



KEPENGARANGAN DAN INDIVIDUALITI
RAHMAN SHAARI DALAM PUISI
BERDASARKAN TEORI
TEKSDEALISME DAN
STILISTIK



RAHAYU BINTI AKHESAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



KEPENGARANGAN DAN INDIVIDUALITI RAHMAN SHAARI
DALAM PUISI BERDASARKAN TEORI TEKSDEALISME
DAN STILISTIK

RAHAYU BINTI AKHESAH

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PERADABAN
MELAYU

INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹⁵(hari bulan).....^{Mac}..... (bulan) 20.....²¹.

i. Perakuan pelajar :

Saya, Rahayu binti Akhesah, P20152002181, Institut Peradaban Melayu (IPM) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Kepengarangan dan Individualiti Rahman Shaari dalam Puisi Berdasarkan Teori Teksdealisme dan Stilistik

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Ghazali bin Din (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Kepengarangan dan Individualiti Rahman Shaari dalam Puisi Berdasarkan Teori Teksdealisme dan Stilistik

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Ijazah Doktor Falsafah (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Kepengarangan dan Individualiti Rahman Shaari dalam Puisi
Berdasarkan Teori Teksdealisme dan Stilistik

No. Matrik / *Matric's No.*: P20152002181

Saya / I: Rahayu Binti Akhesah

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang.

Segala puji-pujian ke hadrat yang Esa serta selawat dan salam kepada nabi junjungan Rasulullah S.A.W. Merafakkan rasa syukur yang tidak terhingga pada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya jua, akhirnya tesis ini dapat disempurnakan meskipun menempuh pelbagai dugaan, cabaran dan tugas hakiki yang harus didahulukan.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia utama saya, Dr. Ghazali bin Din dan Prof. Dr. Abdul Halim bin Ali selaku penyelia bersama atas tunjuk ajar, bimbingan, dorongan dan nasihat sepanjang proses menyiapkan tesis. Saya sangat berbesar hati dan terharu dengan pengorbanan masa yang diberikan untuk menyelia saya demi menghasilkan sebuah penulisan kajian yang baik.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga saya rakamkan untuk Prof. Madya Dato Paduka Dr. Mohd Rosli bin Saludin yang merupakan penyelia utama saya sebelum beliau berhijrah ke UKM. Terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Azhar bin Wahid, Dr. Nordiana Hamzah, dan Dr. Makmur bin Harun merupakan panel dalaman yang banyak membantu menambahbaik kajian ini.



05- Penghargaan turut saya berikan kepada Pengarah Institut Peradaban Melayu Prof. Madya Dr. Samsudin bin Suhaili, staf Institut Peradaban Melayu dan staf Institut Pengajian Siswazah yang sentiasa membantu saat saya memerlukan bantuan. Terima kasih Dato Prof. Rahman Shaari yang memberi kerjasama sangat baik memberi maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Tidak lupa juga sahabat-sahabat saya di Sektor Pembelajaran, unit SISC+ PPD Kuala Selangor dan rakan-rakan karib yang telah memberi sokongan moral, membantu menyumbangkan idea dan dorongan.

Akhir sekali, pastinya penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga buat suami tercinta En. Mohd Armuji bin Ramli, anak saya Ariff Aiman Armuji dan ibu tercinta Alan binti Mihat serta adik beradik saya dan adik beradik suami saya yang memahami banyaknya masa yang perlu saya ambil untuk menyiapkan tesis ini. Kesabaran dan kasih sayang yang diberikan akan saya ingati hingga ke akhir hayat ini. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas segala jasa dan budi baik kalian.





ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji aspek kepengarangan dan individualiti penyair Rahman Shaari dalam sajak sajak terpilih. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kepustakaan, analisis kandungan dan analisis deskriptif. Data utama kajian ialah lima buah kumpulan puisi Rahman Shaari berjudul '*Kesan Kunjungan*' (1982), '*Selamat Pagi Fajar*' (1989), '*Melati dan Bahang*' (1994), '*Anjung Deklamator*' (2005) dan '*Anjung Persinggahan*' (2006). Jumlah sajak yang terpilih daripada lima kumpulan puisi ini ialah sebanyak 257 sajak. Analisis kandungan tertumpu kepada aspek tema dan persoalan, kepengarangan dan individualiti. Data dianalisis dan dibincangkan secara deskriptif berpandukan prinsip-prinsip teori Teksdealisme oleh Mana Sikana (1996) dan teori Stilistik J.J.Webber (1989). Hasil analisis menunjukkan tema dan persoalan sajak-sajak Rahman Shaari berubah sepanjang tempoh kepengkaryanya bermula dari tahun 1976-2006 dan mempengaruhi gaya kepengarangannya. Kajian ini juga mendapati kepengarangan Rahman Shaari berubah secara bertahap bermula dengan tahap kehadiran hinggalah ke tahap mencapai individualitinya. Kekuatan kepengarangan Rahman Shaari banyak dipengaruhi oleh aspek gaya bahasa khususnya gaya bahasa sinis dan kaedah penyampaian sajak secara artistik. Hasil analisis ini juga menunjukkan Rahman Shaari sentiasa konsisten menguasai gaya sinikal ini sehingga menonjolkan sifat individualitinya sebagai seorang penyair artistik. Berdasarkan dapatan kajian ini dapat dirumuskan bahawa kepengarangan Rahman Shaari bertunjangkan pada tiga aspek utama iaitu tema dan persoalan, gaya bahasa dan unsur artistik yang tergabung sehingga menampakkan individualiti Rahman Shaari sebagai penyair terkenal.





THE PENMANSHIP AND INDIVIDUALITY OF RAHMAN SHAARI IN POETRY BASED ON THEORY OF TEXTDEALISM AND TYLISTICS

ABSTRACT

The objective of this research is to study the penmanship and individuality aspects of the poet Rahman Shaari in selected poems. This study is a qualitative study using library methods, content analysis and descriptive analysis. The main data of the study is five groups of Rahman Shaari poems entitled '*Kesan Kunjungan*' (1982), '*Selamat Pagi Fajar*' (1989), '*Melati dan Bahang*' (1994), '*Anjung Deklamator*' (2005) and '*Anjung Persinggahan*' (2006). The total number of poems selected from these five poetry groups is 257 poems. Content analysis of the research focuses on themes and questions aspect, penmanship and individuality. Data were analyzed and discussed descriptively based on the theory of Textualism by Mana Sikana (1996) and Stylistic theory by J.J. Webber (1989). The result of the analysis show that the theme and questions of Rahman Shaari's poems beginning from 1976 to 2006 has changed throughout the period and influenced his penmanship style. This study also found that Rahman Shaari's penmanship changed gradually from the level of appearance to the level of achieving his individuality. The strength of Rahman Shaari's penmanship is greatly influenced by his language style, especially the cynical style and the poetic artistic method of delivery. The result of this analysis also show that Rahman Shaari has consistently writes cynically style and this highlights him as artistic poet. Based on the findings of this study, it can be concluded that Rahman Shaari's penmanship is based on three main aspects, namely themes and questions, language style and combined artistic elements that enhanced Rahman Shaari's individuality as a famous poet.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI GRAF	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Permasalahan Kajian	14
1.4 Kepentingan Kajian	17
1.5 Objektif Kajian	20
1.6 Soalan Kajian	20
1.7 Batasan Kajian	21
1.7.1 Batasan Pemilihan Sajak	24





1.7.2	Batasan masa kajian 1976 - 2006	24
1.7.3	Pemilihan genre	25
1.7.4	Pemilihan tokoh puisi Rahman Shaari	26
1.8	Definisi Konsep dan Operasional	31
1.8.1	Sajak	31
1.8.2	Kepengarangan	38
1.8.3	Artistik	42
1.8.4	Nilai	44
1.8.5	Pemikiran	46
1.8.6	Estetika	49
1.9	Kesimpulan	51

**BAB 2****SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	53
2.2	Sorotan Dalam Negara	54
2.2.1	Kajian mengenai kepengarangan dan pemikiran	54
2.2.2	Kajian berdasarkan puisi, teori Teksdealisme dan Teori Stilistik	59
2.2.3	Kajian berdasarkan artistik dan estetika	73
2.3	Sorotan Luar Negara	76
2.3.1	Kajian mengenai kepengarangan dan Pemikiran	76
2.3.2	Kajian berdasarkan teori Teksdealisme dan teori Stilistik	81
2.3.3	Kajian tentang sajak	85
2.4	Kesimpulan	95





BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	98
3.2	Reka bentuk Kajian	99
3.3	Kaedah Kajian	107
3.3.1	Kepustakaan	109
3.3.2	Temu buat tidak berstruktur	109
3.3.3	Kaedah Pemerhatian	111
3.4	Kaedah Pengumpulan dan analisis data	111
3.5	Bahan Kajian	115
3.6	Kaedah Analisis Teori Teksdealisme	116
3.6.1	Kaedah kajian teori Teksdealisme berdasarkan prinsip kehadiran	118
3.6.2	Kaedah kajian teori Teksdealisme berdasarkan prinsip pelanggaran	119
3.6.3	Kaedah Kajian Teori Teksdealisme berdasarkan prinsip pengukuhan	121
3.6.4	Kaedah kajian teori Teksdealisme berdasarkan prinsip keperibadian atau individualisme	122
3.6.5	Kaedah Analisis Teori Stilistik dalam kajian	124
3.7	Kesimpulan	130

BAB 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	131
4.2	Menganalisis sajak Rahman Shaari berdasarkan teori Teksdealisme dan Stilistik J.J.Webber	133
4.3	Menganalisis tema dan persoalan sajak Rahman Shaari dalam penghasilan sajak	134



4.4	Menghuraikan tema dan persoalan sajak Rahman Shaari tahun 1976-1979	156
4.5	Menghuraikan tema dan persoalan sajak Rahman Shaari tahun 1980-1989	159
4.6	Menghuraikan tema dan persoalan sajak Rahman Shaari tahun 1990-1999	161
4.7	Menghuraikan tema dan persoalan sajak Rahman Shaari tahun 2000-2006	163
4.8	Menganalisis sajak Rahman Shaari berdasarkan teori Teksdealisme prinsip kehadiran dan Stilistik J.J Webber	165
4.9	Menganalisis sajak Rahman Shaari berdasarkan teori Teksdealisme prinsip pelanggaran dan Stilistik J.J Webber	212
4.10	Menganalisis sajak Rahman Shaari berdasarkan teori Teksdealisme prinsip pengukuhan dan Stilistik J.J Webber	271
4.11	Menganalisis sajak Rahman Shaari berdasarkan teori Teksdealisme prinsip keperibadian/individualisme dan Stilistik J.J Webber	324
4.12	Mengkaji individualiti Rahman Shaari melalui kaedah temu bual	379
4.13	Menganalisis pandangan tentang sajak melalui temu bual Dengan responden.	385
4.14	Menganalisis pemerhatian persembahan sajak Rahman Shaari	396
4.15	Kesimpulan	402

BAB 5 PENEMUAN DAN PENUTUP

5.1	Pengenalan	404
5.2	Dapatan Kajian	405
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	410



5.4 Rumusan 412

5.5 Kesimpulan 413

RUJUKAN 415

LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Senarai hasil penulisan Rahman Shaari	10
1.2 Kumpulan Puisi Rahman Shaari yang dikaji	21
1.3 Jumlah sajak dalam lima kumpulan puisi Rahman Shaari	24
3.1 Ciri-ciri sajak deklamator	125
4.1 Analisis sajak dalam Kumpulan Sajak Kesan Kunjungan	135
4.2 Analisis sajak dalam Kumpulan Sajak Melati dan Bahang	139
4.3 Analisis sajak dalam Kumpulan Sajak Selamat Pagi Fajar	144
4.4 Analisis sajak dalam Kumpulan Sajak Anjung Deklamator	148
4.5 Analisis sajak dalam Kumpulan Sajak Anjung Persinggahan	152
4.6 Analisis tema dan persoalan sajak 1971-1979	157
4.7 Analisis tema dan persoalan sajak 1980-1989	159
4.8 Analisis tema dan persoalan sajak 1990-1999	161
4.9 Analisis tema dan persoalan sajak 2000-2006	163
4.10 Karya sajak berdasarkan pengalaman pengarang	174
4.11 Analisis Stilistik berdasarkan pemilihan kata/diksi	178
4.12 Analisis sajak 'Giliran'	181
4.13 Analisis sajak 'Pak Kaduk Ahli Strategi'	218
4.14 Analisis sajak 'Di Makam Habib'	227
4.15 Analisis sajak 'Perbersihan'	232
4.16 Analisis sajak 'Padamkan Impian Keamanan'	237





4.17	Analisis sajak ‘Milah Anak Maksum’	244
4.18	Analisis sajak ‘Penjara Akal’	249
4.19	Analisis sajak ‘Tertolak Sebak’	254
4.20	Analisis sajak ‘Hantu Menyambut Merdeka’	259
4.21	Analisis sajak ‘Aku Anak Kroni’	269
4.22	Analisis sajak ‘Libya’	274
4.23	Analisis sajak ‘The Torture Chamber’	279
4.24	Analisis sajak ‘Gadis dan Bulu Ayam’	283
4.25	Analisis sajak ‘Makna Merdeka Makna Kita’	290
4.26	Analisis sajak ‘Dalam Kesopanan Kita’	299
4.27	Analisis sajak ‘Rajaku’	304
4.28	Analisis sajak ‘Tuba’	309
4.29	Analisis sajak ‘Kintalo dengan Telur Emas’	315
4.30	Analisis sajak ‘Harimau Luka’	320
4.31	Analisis sajak ‘Alam Telah Betul’	331
4.32	Analisis sajak ‘Diam’	335
4.33	Analisis sajak ‘Dosa Demang’	341
4.34	Analisis sajak ‘Dunia Dipenuhi Kata’	345
4.35	Analisis sajak ‘Ada Jins Dalam Diri’	351
4.36	Analisis sajak ‘Kecilkah tanggungjawab Jasad’	356
4.37	Analisis sajak ‘Harga Sejarah’	362
4.38	Analisis sajak ‘Lapangan Merdeka’	369
4.39	Analisis sajak ‘Hati Hina’	373





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Aspek Pemikiran Za'ba dalam pemikiran jati diri Melayu	58
2.2 Kajian Stail	61
2.3 Kajian bentuk bahasa	62
2.4 Kajian isi kesusasteraan	62
3.1 Reka bentuk kajian	102
3.2 Teori Teksdealisme janaan Mana Sikana 1993	116



SENARAI GRAF

No.		Muka Surat
1	Analisis tema dan persoalan sajak tahun 1971-1979	158
2	Analisis tema dan persoalan sajak tahun 1980-1989	160
3	Analisis tema dan persoalan sajak tahun 1990-1999	162
4	Analisis tema dan persoalan sajak tahun 2000-2006	164

SENARAI SINGKATAN

BATTRA	Badan Teater dan Sastera
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
KOMSAS	Komponen Sastera
PPA	Persembahan Puisi Artistik
PPSB	Progran Penghayatan Seni dan Budaya
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
RS	Rahman Shaari
SEA	SouthEast Asian/ Sukan Asia Tenggara
SN	Sasterawan Negara
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

SENARAI LAMPIRAN

- A. Lampiran 1: Rajah 4.1-Analisis Keperibadian Rahman Shaari
- B. Lampiran 2: Rajah 4.2-Pandangan tentang puisi oleh Rahman Shaari Anwar Ridhwan dan Hashim Yaacob.
- C. Lampiran 3:Rajah 4.3- Proses Kepengarangan Rahman Shaari
- D. Lampiran 4: Rajah 4.4- Seni artistik dalam bidang puisi
- E. Lampiran 5: Buku kumpulan puisi Rahman Shaari
- F. Lampiran 6: Rahman Shaari dalam ‘Majlis Profesor Negara’
- G. Lampiran 7: Rahman Shaari dalam ‘Majlis Makan Malam Penyair’
- H. Lampiran 8: Rahman Shaari dalam ‘Teater Sekangkang Kera’
- I. Lampiran 9: Rahman Shaari dalam ‘*Youtube*’
- J. Lampiran 10: Poster Rahman Shaari
- K. Lampiran 11: Temubual dengan Rahman Shaari, Anwar Ridhwan dan Hashim Yaacob
- L. Lampiran 12: Soalan Temu bual



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Meninjau sejarah lahirnya sajak Melayu moden, pada awalnya peranan penyair sangat penting dari sejak sebelum merdeka sehinggalah selepas merdeka pada tahun 1957. Penyair terdahulu memperjuangkan semangat nasionalisme yang memberi pengaruh besar terhadap rakyat. Kecenderungan penyair sebelum merdeka lebih kepada perjuangan kemerdekaan. Para penyair menyuarakan betapa perlunya keberanian dan ketabahan, paduan serta pengorbanan bangsa Melayu. Penyuaraaan ini antaranya ditemui dalam sajak-sajak *Zaman Merdeka* (Utusan Zaman, 15 Januari 1950) *Kabar dari Asia* (Mastika, Mei 1955) *Sumpah Anak Jajahan* (Mingguan Pedoman, 10 November 1956) dan lain-lain (Kamaruzzaman Abd Kadir, 1987, hlm.112).



Menurut Kamaruzzaman Abd Kadir dalam bukunya *Nasionalisme Dalam Sajak Melayu Moden 1933-1957*, sajak Melayu Moden yang muncul pada awal tahun-tahun 1930an dan berkembang pesat dalam tahun-tahun 1950an. Sesungguhnya perkembangan ini seiring dengan kebangkitan dan perkembangan kesedaran kebangsaan atau nasionalisme Melayu. Kesedaran kebangsaan ini merupakan salah satu persoalan utama sajak ketika itu. Timbul akibat kelemahan orang-orang Melayu dalam bidang sosial, ekonomi dan politik akibat tekanan penjajah (Kamaruzzaman Abd.Kadir, 1987, hlm.124).

Selepas itu, muncul pula pelbagai sajak yang menyuarakan kebimbangan, sanjungan dan harapan kepada pemimpin-pemimpin di saat menjelang kemerdekaan. Menurut Kamaruzzaman Abd. Kadir, selepas merdeka, pelbagai pancaroba dan tanduk pemimpin yang tidak disenangi rakyat terhadap pemimpin-pemimpin yang memenangi pilihan raya (1987, hlm.120). Luahan rasa kekecewaan ini antaranya terjemalah sajak *Isi Tidak Berganti* oleh Tongkat Warrant (Utusan Zaman, 1957), *Antara Manifesto dan Janji-janji* (Mingguan Pedoman, 1957) dan *Antara Pidato dan Janji-Janji* (Fikiran Rakyat, 1957).

Tema sajak Melayu moden turut banyak terpengaruh dengan perkembangan nasionalisme Melayu terutama tahun 1950-1957 seiring dengan kebangkitan dan kesedaran kebangsaan atau nasionalisme Melayu. Demikian juga dalam tahun 1960an suara-suara penyair lantang menuntut keadilan. Antaranya lahir antologi – antologi *Keranda 152*, *Teluk Gong*, dan *Kebangkitan*. Namun, walau selepas merdeka kedengaran juga sajak-sajak dengan permasalahan baharu tentang saingan hidup yang

terpaksa dilalui oleh bangsa. Lantaran, selepas kemerdekaan karya-karya sajak cenderung pula kepada kegusaran terhadap bangsa Melayu terutama golongan bawahan, terdapat sesuatu yang kurang selepas kemerdekaan iaitu dengan penduduk yang berbilang kaum, bangsa Melayu iaitu pengabaian terhadap bangsa Melayu dan kegagalan pemimpin Melayu menyelamatkan nasib masa depan mereka dengan kepincangan ekonomi dan sistem sosial. Maka, dengan situasi ini para penyair melalui sajak-sajak mereka lebih cenderung ke arah pembelaan masyarakat namun tidak bersifat politik. Mereka sebenarnya berjiwa nasionalis kerakyatan Melayu (Kamaruzzaman Abd. Kadir, 1987, hlm. 128).

Dalam membicarakan sajak Melayu moden juga, ia merupakan sajak yang bebas. Walaupun terikat kepada bentuk tradisional, sejumlah besar sajak yang sedemikian tidak begitu kuat untuk diketengahkan. Seseorang pengkaji sajak Melayu moden yang ingin menyebut sajak yang kuat tetapi terikat dengan bentuk tradisional selalunya berbalik kepada sajak-sajak Usman Awang *Ke Makam Bonda*, *Gadis di Kuburan* dan lain-lain atau beberapa sajak karya Firdaus Abdullah. Hal ini bererti bahawa antara ribuan sajak moden, kadar patuh kepada kaedah persajakan tradisional adalah kecil (Rahman Shaari, 2005, hlm. 26).

Sajak Melayu moden bermula dengan tersiarnya sebuah sajak karya Omar Mustaffa berjudul *Angan-angan dengan Gurindam*. Karya ini dianggap sajak moden kerana di dalamnya terdapat peristiwa kemasyarakatan dan sikap serta suasana moden. Omar Mustaffa menyedari perkembangan semasa dan menyeru bangsanya memperkukuh

semangat untuk menghadapi realiti dan seterusnya memberikan kepada peluang-peluang yang ada (Rahman Shaari, 2005, hlm.30-31).

*'Sajak Angan-angan dengan Gurindam'
Bangkitlah bangkit
Mengapa tidur lama sangat
Di mana dapat mencari negeri yang sekaya negeri kita!
Bangkitlah bangkit
Timah dimasak sudahlah hangat
Mengapa dibiarkan bangsa lain mengambil bijih kita?
Bijih dan getah! Bijih dan getah!
Inilah kekayaan yang tentu
Hasil negeri kita yang besar dapat di situ
Bijih dan getah! bijih dan getah!
Dari sebab itu bangkitlah bangkit
Janganlah asyik dengan berjoget
Lihatlah kekayaan Loke Yew Chow Kit!
Hartanya beribu bermilion ringgit
Segeralah tuan jangan lengah
Segera berbudi kepada tanah
Kerana tanah baik budinya
Lambat laun usaha dan penat kita dibalasnya.
(Utusan Melayu, 18 Januari 1913)*

Selain itu, sajak Melayu moden turut dipelopori oleh Masuri S.N yang menghasilkan sajak Melayu Moden peringkat awal di Tanah Melayu. Sajak beliau bertajuk *Ini Nasi Yang Kusuap* pernah dikaitkan dengan sajak *Dyland Thomas* tidak mencalar namanya sebagai penyair bahkan ia dilihat sebagai perluasan pembacaan ilmu Masuri S.N. antara rangkap sajaknya adalah seperti berikut:-

*Jadi yang kumakan bukan dari nasi
Tapi peluh. Darah dalam isi mengalir pasti
Jadi yang kutelan bukan berasal dari padi
Tapi dari urat dari nadi seluruh pak tani
(Ini Nasi Yang Kusuap dipetik
daripada Oliver Rice dan Abdullah majid 1963,48)*

Selain itu, sajak beliau bertajuk *Tiada Peduli* dilihat lebih individualistik. Sajak berunsur protagonis yang mengisahkan sikap yang tidak akan tunduk kepada gesaan pihak lain, andainya gesaan itu tidak sesuai dengan caranya. Pernyataan sedemikian, bertentangan dengan sikap masyarakat lama yang seboleh-bolehnya mahu patuh pada kebiasaan (Rahman Shaari, 2005, hlm.32).’

Dengan pelbagai corak sajak Melayu moden yang muncul pada peringkat awal di Tanah Melayu dan selepas merdeka, maka timbulnya ramai penyair dengan genre yang berbeza namun masih dalam ruang lingkup sajak Melayu moden misalnya Kemala, Zurinah Hassan, Lim Swee Tin, Abdul Ghafar Ibrahim, termasuklah penyair dalam kajian ini iaitu Rahman Shaari sendiri. Munculnya pelbagai kepengarangan penyair ini adalah berdasarkan kecenderungan seseorang penyair menghasilkan karya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada 12 Oktober 2007, Rahman Shaari berjaya memenangi Anugerah Penulis S.E.A (S.E.A Write Awards) atau Anugerah Penulis Asia Tenggara – Southeast Asian Writer Awards. Anugerah berprestij ini diperkenalkan oleh kerajaan Thailand sebagai menghargai sumbangan para penulis bidang kesusasteraan di Asia Tenggara termasuk Malaysia. Rahman Shaari telah muncul sebagai penerima anugerah berprestij ini daripada Puteri Thailand, Sirivannavari Nariratana.

Rahman Shaari merupakan penyair tanah air yang bukan calang-calang tokoh penyair sehingga beliau layak menerima anugerah tertinggi itu. Pelbagai kejayaan demi kejayaan yang diperoleh dalam bidang sajak sehingga beliau diiktiraf di peringkat antarabangsa dan menerima Anugerah Penulis S.E.A (S.E.A Write Awards) atau Anugerah Penulis Asia Tenggara – Southeast Asian Writer Awards tersebut.

Rahman Shaari, penyair terkenal tanah air yang ketika itu merupakan profesor di Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM). Kegemilangan beliau dalam bidang sajak ini telah berjaya menghasilkan beberapa buah kumpulan sajak, iaitu *Hamparan Kuning* (1979), *Kesan Kunjungan* (1982), *Serpihan Diri* (1987), *Selamat Pagi Fajar* (1989), *Melati dan Bahang* (1994), *Anjung Deklamator* (2005), *Anjung Persinggahan* (2006), dan terbaharu *Penunggang Kenyataan* (2015). Sajak bertajuk *Harga Remaja* turut dijadikan tajuk buku teks sastera tingkatan 4 pada tahun 2010-2014.

Rahman Shaari sering memenangi hadiah sastera sebagai permulaan kejayaannya dalam bidang kesusasteraan. Pada tahun 1975, beliau memenangi Peraduan Menulis Sajak UKM. Pada tahun 1976 pula, sajak beliau berjudul *Hamparan Kuning* dan *Giliran* memenangi Hadiah Karya Sastera. Pada tahun 1977, beliau memenangi hadiah pertama Sayembara Esei/Kritikan Sastera anjuran DBP. Dalam dekad 1980-an Rahman Shaari juga pernah memenangi Hadiah Sastera Malaysia iaitu pada tahun 1982/1983 dan 1986/1987.

Setiap penyair memiliki gaya penulisan dan keperibadian mereka yang tersendiri. Rahman Shaari sendiri menyatakannya dalam sinopsis bukunya bertajuk *Kemantapan Sajak Melayu Moden: satu tinjauan* (2005), beliau menyatakan penyair yang menghasilkan karya sajak yang kukuh ialah A.Samad Said dan Kassim Ahmad. Di tangan A.Samad Said tidak terdapat unsur protes yang ketara seperti sajak yang dihasilkan oleh Usman Awang. Selain itu, A.Samad Said juga berjaya menghasilkan sajak yang hebat tentang hubungan kasih yang berkesudahan dengan kekecewaan. Sajak-sajak A.S Amin dan Suhaimi Haji Muhammad pula perlu menggunakan pendekatan yang sesuai baginya. Kekaburan menimbulkan masalah pemahaman namun timbul daya tarikan akibat taburan citra yang berkesan. Demikian juga sajak oleh Ma'arof Saad merupakan penyajak yang kuat sebagai penentang penindasan, Jaafar H.S pula terkenal kerana sajak bercorak filosof dan ungkapan yang padu dan kukuh (Mana Sikana, 1987, hlm.8).

Kajian ini turut berfokus kepada kepengarangan dan individualiti Rahman Shaari seterusnya mengesan konsep persembahan sajaknya. Sebelum beliau merangkul Anugerah Penulis S.E.A (S.E.A Write Awards) atau Anugerah Penulis Asia Tenggara – Southeast Asian Writer Awards. Beliau pernah memenangi *Hadihah Sastera* sehingga terhasilnya kumpulan sajak berjodol *Kesan Kunjungan* yang diterbitkan pada tahun 1982 mengandungi 88 untai sajak. Penampilan beliau dalam pementasan sajak dengan penuh penghayatan dan benar-benar mempesonakan khalayak. Beliau turut mempunyai cara yang tersendiri dalam mendeklamasikan sajak iaitu dengan menghafal sajak tersebut kerana bagi beliau jika tidak menghafalnya, sesebuah sajak itu sukar untuk disampaikan

maknanya. Hal ini amat menarik perhatian bagi mengkaji tentang seni persembahan sajak Rahman Shaari.

Berdasarkan sajak-sajak Rahman Shaari, Mana Sikana berpendapat Rahman Shaari menulis sajak berdasarkan teori ciptaannya iaitu Teori Anjakan Makna (Mana Sikana, Sastera Melayu Pascamodenisme, 2004, hlm.261). Begitu diperlihatkan kesungguhan Rahman Shaari dalam dunia sajak yang wajar diteladani oleh penulis muda yang bakal menjadi pewaris warisan negara.

Permasalahan bangsa Melayu ini juga turut diketengahkan dalam sajak-sajak Rahman Shaari. Karya beliau akan dikupas melalui sajak-sajak yang terpilih hasil daripada kreativiti dan idealistik yang realistik beliau.

Rahman Shaari yang pernah menjadi pensyarah di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) lebih cenderung untuk mengemukakan fikiran matang dan berseni. Ia merupakan perkara yang paling penting dalam sastera. Oleh itu, apabila seseorang individu membaca atau mendengar ungkapan yang disampaikan oleh penyair Rahman Shaari, terpulang kepada mereka untuk menerima atau sebaliknya (Sinar Harian, 2015).

Rahman Shaari muncul sebagai penyair Melayu moden. Beliau ini masih giat menulis pelbagai buku dan rencana di Malaysia bukanlah asing dalam kalangan penulis



khususnya pengkarya sastera. Rahman Shaari ialah seorang penyair, penulis bebas, penggiat teater dan ahli akademik warga Malaysia.

Guru sajak beliau iaitu Muhammad Haji Salleh, juga pernah menerima S.E.A. Write Awards pada 1997. Oleh itu, tidak hairanlah jika Rahman Shaari turut berkecimpung dalam genre sajak. Beliau bukan sahaja aktif dalam penulisan sajak malah beliau turut menulis genre sastera yang lain seperti cerpen, esei, novel dan drama turut diceburi sama. Sewaktu menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), beliau pernah bergiat dalam bidang drama di bawah bimbingan Noordin Hassan merupakan Sasterawan Negara yang ke tujuh iaitu pada tahun 1993. Rahman Shaari menjadi penolong pengarah untuk drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* yang diarahkan oleh Noordin Hassan.



Kemunculan awal Rahman Shaari dalam bidang sajak ialah apabila sajak pertama tulisan beliau berjudul *Buka Bicara* disiarkan dalam majalah Dewan Sastera keluaran April 1971 ditulis sewaktu beliau masih menuntut dalam tahun kedua di MPSI dan mendapat ulasan daripada sasterawan Dharma Wijaya dan Datuk Baharuddin Zainal (Baha Zain) ketika itu. Pesanan penting Dharmawijaya ialah “....semoga Rahman Shaari tidak akan menutup bicara setelah karyanya tersiar.” (2006, hlm.xiii). Rahman Shaari melahirkan rasa gembiranya dan berbangga kerana karya permulaan kali pertama beliau berjodol ‘*Buka Bicara*’ tersebut mendapat ulasan sasterawan terkenal. Kata-kata hikmat dari tokoh tersebut menyebabkan hati beliau berbunga-bunga untuk terus berkarya. Ketika mula mengajar di sekolah juga, beliau semakin banyak menulis sajak sehinggalah masuk ke Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1973 sebagai tutor. Di UKM, Rahman Shaari



mendapat pendedahan daripada Tokoh Sastera, Muhammad Haji Salleh seterusnya merancakkan lagi penghasilan sajak dan sajak kerana sudah mengetahui kaedah untuk hasilkan karya itu (Utusan Melayu, 2007).

Sepanjang kariernya sebagai penulis dan penyair, Rahman Shaari telah banyak menghasilkan bahan penulisan. Antara senarai hasil penulisan Rahman Shaari adalah seperti berikut:-

Jadual 1.1

Senarai Hasil Penulisan Rahman Shaari

Senarai hasil penulisan Rahman Shaari

1. Anjung Persinggahan: DBP, 2006
 2. Media di Malaysia : Mendukung Citra Bangsa / Suntingan oleh Hamed Mohd. Adnan, Rahman Shaari.: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
 3. The Garden and Other Poems : A Collection of Malaysian poetry/ Susunan, Rahman Shaari : City Megazone, 2004.
 4. Kamus Kata Klasik : Panduan Kajian Prosa dan Sajak Tradisional : Utusan Publications & Distributors, 2002.
 5. Persediaan Menulis Sajak:DBP, 2001.
 6. Syair Badrul Zaman : Sajak Tradisional Untuk Pelajar Tingkatan 1 : PTS Publications & Distributors, 2001.
 7. Sebuah Hati di Cheng Du : Antologi Sajak dan Cerpen Remaja/ diselenggarakan Oleh Rahman Shaari dan Othman Puteh:DBP, 1999.
 8. Perjuangan Kedua:DBP, 1999.
 9. Kesusasteraan Dalam Pendidikan Sastera : Fajar Bakti, 1998.
 10. Tirai Tokoh Rahman Shaari. : Fajar Bakti, 1997.
 11. Ilustrasi Sekeping Hati : Antologi Sajak dan Cerpen Remaja/ diselenggarakan oleh Othman Puteh dan Rahman Shaari :DBP, 1997.
 12. Keris Tok Janggut / diselenggarakan Oleh Rahman Shaari : Fajar Bakti, 1997.
 13. Suluh Peraba : Fajar Bakti, 1996.
 14. Sinopsis 50 Novel III :DBP, 1995.
-

(bersambung)

Jadual 1.1(sambungan)

Senarai hasil penulisan Rahman Shaari

15. Langit di Tangan/diselenggarakan oleh Rahman Shaari; Siti Zainon Ismail:DBP, 1995.
 16. Sinaran Permata/diselenggarakan oleh Anwar Ridhwan; Rahman Shaari: DBP, 1995.
 17. Melati dan Bahang. :DBP, 1994.
 18. Melirik Mawar / diselenggarakan oleh Rahman Shaari :DBP, 1994.
 19. Memahami Gaya Bahasa / Rahman Shaari :DBP, 1993.
 20. Begini Rupanya / diselenggarakan oleh Othman Puteh, Rahman Shaari: DBP, 1993
 21. Sajak-sajak Pilihan Usman Awang; Untuk Tingkatan 6 / Rahman Shaari : Penerbit Fajar Bakti, 1992
 22. Bakti Pelajar Berani. : Penerbit Fajar Bakti ; 1992.
 23. Permatang Budi / diselenggarakan oleh Rahman Shaari, T.Alias Taib: Penerbit Fajar Bakti, 1991.
 24. Ikhtisar Sastera Untuk Menengah Atas : Penerbit Fajar Bakti, 1991.
 25. Politik Mahathir : Sikap dan Pemikiran : D' Enterprise, [1990]
 26. Antologi Sajak : Di tengah Taman / diselenggarakan oleh Rahman Shaari. : Sasbadi, 1990.
 27. Berkenalan dengan Kritikan Sastera : Fajar Bakti, 1989.
 28. Norhana.: Marwilis Publisher & Distributors sdn. Bhd. 1989.
 29. Politik Mahathir : Langkah & Perhitungan. : Mahir Holdings, 1989.
 30. Teman Pelajar Peribahasa untuk KBSM / Mohd Tajuddin Abdul Rahman, Rahman Shaari. : Fajar Bakti, 1989.
 31. Kritikan Sastera Melayu : Pendekatan dan Pemikiran:DBP, 1988.
 32. Gangguan: Pelanduk Publications (M), 1988.
 33. Jendela / diselenggarakan oleh Rahman Shaari. : Teks Publishing, 1988.
 34. Rangkaian Sajak Klasik / diselenggarakan oleh Rahman Shaari, Mohd. Pozi Hj. Masurori. : Teks Publishing, 1988.
 35. Serpihan Diri :DBP, 1987.
 36. Glosari Istilah Sastera : 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd. , 1987.
 37. Penilaian dan Penghayatan Sastera. : Marwilis Publisher, 1987.
 38. Matahari Tak Selamanya Rembang : Kumpulan Cerita Lakonan Untuk Sekolah Menengah / Susunan Rahman Shaari, A. Rahim Abdullah.: Fajar Bakti, 1985.
 39. Perhitungan Mahathir : Penerbitan Tra-Tra, 1984.
 40. Kajian Keluarga Gerilya : Media Intelek, 1984
 41. Zaman Mahathir : Munora, 1983.
 42. Kuntum Pertiwi / Anwar Ridhwan & Rahman Shaari :DBP, 1982.
 43. Kesan Kunjungan : Utusan Pulications & Distributors, 1982.
 44. Bimbingan Istilah Sastera : Tra-Tra Publishing , 1982.
-

(bersambung)

Jadual 1.1(sambungan)

Senarai hasil penulisan Rahman Shaari

45. Di Sekitar Sastera dan Kritikan : Utusan Publications & Distributors , 1981.
 46. Air Mata Gembira.: Fajar Bakti.
 47. Sorotan dan Kajian Cerita Seorang Seniman.
 48. Glosari Istilah Sastera.
 49. Selamat Pagi Fajar: Marwilis Publisher : 1989
 50. Anjung Deklamator : Pekan Ilmu Publications: 2005
 51. Penunggang Kenyataan : 2015
-

Sumber: Daripada Wikipedia, ensiklopedia bebas.

Rahman Shaari lebih terserlah dalam penulisan dan persembahan sajaknya. Dalam penulisan sajak, beliau merupakan tokoh penyair yang mempunyai ketokohnya yang tersendiri. Setiap sajak yang dihasilkan mempunyai latar pemikiran, persekitaran, pengalaman dan peristiwa tertentu yang merealisasikan kisah manusia. Shahnnon Ahmad dalam bukunya bertajuk *Sastera Pengalaman Ilmu Imajinasi dan Kitarannya* menyatakan bahawa kaedah mengumpulkan dan menghuraikan unsur yang teradun dalam komposisi secara satu per satu ini merupakan analisis untuk menentukan cara bagaimana pengarang mencipta karya-karyanya. Jika kita renung lebih mendalam dan kembali kepada makna karya kesusasteraan sebenar iaitu pembentangan keperihalan manusia melalui gaya bahasa yang indah sebagai peralatan budaya. Wujudnya cerita berpunca daripada idea yang diilhamkan oleh pengarang. Latar juga penting sama ada latar fizikal, latar suasana atau latar waktu bagi merealitikan kisah manusia (1994, hlm. 62-63).

Selain itu, Mana Sikana turut mengulas tentang karya Rahman Shaari. Menurut beliau, kajian struktural dalam sajak lebih menegaskan cara sesebuah sajak itu dikerasi oleh penyairnya. Dalam beberapa hal, struktural sajak dapat diteliti dari dua bahagian iaitu

struktur luaran seperti baris, rima dan stanza dan struktur dalaman yang lebih berfokus kepada pengolahan dan adunan di antara bentuk dan isinya Contohnya sajak *sahabat* karya Rahman Shaari terdapat keharmonianannya:-

*Salam kasih untuk
Yang bersusah kerana kesusahanku
Memberiku pinjaman
Apa yang sukar aku bayarkan
Memberikan kefahaman
Apa yang dulu aku keliru*

Sajak yang bercorak pandangan peribadi Rahman Shaari terhadap sesuatu yang telah diberikan oleh sahabatnya. Sajak ini juga dihasilkan sebagai penghargaan kepada seorang sahabat yang baik (1987, hlm. x).

Begitu besarnya sumbangan beliau dalam bidang penulisan sajak ini maka kajian ini sangat signifikan berfokus kepada sajak beliau. Analisis sajak akan dilaksanakan dengan penuh perinciannya untuk melihat keperibadian atau individualiti dan proses kepengarangan beliau terhadap sajak yang terdapat dalam kumpulan sajak yang dihasilkan. Selain itu, unsur gaya deklamasi, teknik dan penghayatan seperti terkandung dalam bukunya iaitu *Anjung Deklamator* juga sentiasa diterapkan dalam setiap persembahan sajaknya.

1.3 Permasalahan Kajian

Dalam kebanyakan kajian ilmiah mengenai sajak lazimnya memilih tentang tokoh penyair terkenal tanah air antaranya A. Samad Said (1979), Usman Awang (1982), Muhammad Haji Salleh (1997), Kemala (1986) dan ramai lagi tokoh sastera serta sasterawan terkemuka negara. Antara kajian ilmiah yang dijalankan seperti kajian doktor falsafah oleh Abdul Halim bin Ali bertajuk *Konsep Estetika Bersepadu: Terapan dan Analisis Terhadap Karya-karya Sajak Ahmad Kamal Abdullah*, jurnal oleh Rahmah Ahmad H. Osman dan Mohd Shahrizal Nasir (2013) bertajuk *Unsur-Unsur Retorik dalam Sajak Melayu Al-Amin Karya A. Samad Said*, Abdul Halim Ali (2011) dalam jurnal bertajuk *'Proses Kreativiti A.Samad Said Berasaskan Teori Teksdealisme'*, kajian Doktor Falsafah oleh Ghazali bin Din bertajuk *'Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Proses Kreatif Teksanaluri'* dan sebagainya. Kajian ini adalah berfokus kepada Rahman Shaari bagi mengenal pasti individualiti Rahman Shaari dalam bidang sajak. Beliau juga telah banyak menulis sajak dan karya sajak beliau bertajuk *'Harga Remaja'* juga turut dimuatkan dalam subjek Komponen Sastera atau KOMSAS Tingkatan 4 pada tahun 2010-2014. Namun, karya Rahman Shaari masih belum diketengahkan oleh para pengkaji. Oleh itu, kajian ini penting dilaksanakan kepada penyair yang telah mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Selain itu, masyarakat juga kurang meminati bidang persajakan ini. Ini terbukti apabila Rahman Shaari turut melahirkan kebimbangannya dengan perkembangan sajak ketika itu. Menurut Rahman Shaari dalam bukunya *Anjung Deklamator* biarpun buku sajak

berada di pasaran dalam jumlah yang besar, namun penyair bimbang sajak tidak mendapat tempat yang membanggakan di hati pembaca. Kebanyakan penerbit tidak berani menerbitkan buku sajak. Hanya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang sanggup bertahan menerbitkan kumpulan dan antologi sajak. Rahman Shaari menyimpulkan bahawa sajak tidak mempunyai masa depan apabila terlalu banyak sajak yang tersiar di akhbar yang tidak dipedulikan orang. Sajak-sajak yang bermutu tinggi pun tidak dikenali oleh masyarakat. Keadaan ini amat membimbangkan memandangkan bidang sajak ini merupakan khazanah negara. Oleh itu, kajian ini perlu bagi menyemarakkan dan membuktikan bahawa betapa pentingnya seni sajak itu dipertahankan untuk generasi masa hadapan.

Penghasilan sesebuah karya sajak lazimnya mempunyai nilai estetik dalam mendidik, menegur, menasihati dan mengkritik masyarakat, para remaja dan para pemimpin melalui sajak yang puitis dan penuh perlambangan seperti peribahasa Melayu *mata pena lebih tajam dari mata pedang*. Mana Sikana menyatakan sajak yang asli hasil daripada pemerhatian dan perasaan sanubari Rahman Shaari sendiri yang banyak menyentuh tentang masyarakat, politik, remaja. Setiap diksi sajak yang diungkap melahirkan sesuatu peristiwa yang diadun mempunyai nilai estetik yang tersendiri itu menyebabkan karya beliau benar-benar dapat difahami oleh pembaca (1987, hlm. 8). Pandangan daripada penyair dan pencipta teori Teksdealisme ini amat bermakna. Oleh itu, kajian ini akan menumpukan aspek tema dan persoalan sajak Rahman Shaari yang dihasilkan benar-benar mudah difahami maksud sajak tersebut.

Dalam kajian awal tentang tokoh penyair telah menyentuh tentang kepengarangan pengarang penyair itu sendiri bagi mengenali tokoh tersebut -seperti Muhammad Hj Salleh, Kemala, Baha Zain, A.Samad Said, Shahnon Ahmad dan lain-lain. Oleh itu, kajian ini melihat kepengarangan Rahman Shaari untuk mengenali beliau secara lebih mendalam tentang sifat dan karyanya.

Dalam kajian genre sajak lazimnya pengkaji akan mengkaji unsur-unsur keIslaman, kreativiti, kepengarangan, estetika, bahasa dan banyak lagi. Rahman Shaari sememangnya terkenal menerapkan elemen artistik dalam persembahan sajaknya. Beliau boleh dikatakan orang yang bertanggungjawab mengetengahkan deklamasi sajak di pentas dengan elemen gaya deklamasi, teknik dan penghayatan yang dimuatkan dalam buku *'Anjung Deklamator'* untuk memberi panduan kepada sesiapa jua penyair untuk mendeklamasi sajak di pentas. Semasa mendeklamasikan sajak, beliau akan menghafal terlebih dahulu sajak tersebut. Namun masih belum ada kajian tentang penyair Rahman Shaari tentang penghasilan sajaknya dan persembahan sajak di pentas. Rahman Shaari sangat percaya sajak di kertas perlu di bawa ke pentas. Oleh itu, kajian perlu dilakukan untuk melihat kekuatan elemen artistik cara Rahman Shaari. Menurut Halilah Hj Khalid, sememangnya setiap sajak yang dihasilkan oleh pengkarya seni sajak yang hebat ibarat sebutir mutiara yang bergemerlapan. Kata-kata yang terbaik disusun, dalam ayat yang terbaik, melahirkan pemikiran yang terbaik dan ungkapan yang boleh dipetik daripada pernyataan pengarang-pengarang tentang sesuatu perkara atau isu (2015, hlm.8).

Oleh hal demikian, daripada permasalahan tersebut jelas menunjukkan bahawa kajian perlu dilakukan bagi memastikan warisan sajak tidak hilang ditelan zaman. Para penyair yang berkaliber dan memperoleh pelbagai kejayaan dalam bidang sajak juga hendaklah mendapat apresiasi yang tinggi daripada masyarakat dan negara. Seboleholehnya kita tidak melupakan jasa dan pengorbanan para penyair dalam bidang sajak. Sriyanto penulis dari negara Indonesia dalam kajiannya bertajuk *Samadi Penyair Yang Terlupakan* menulis tentang penyair bernama Samadi yang dilupakan. Rakyat Indonesia lebih mengenali nama Sanusi Pane atau J.E Tatengkeng jika ditanya siapa penyair sebelum perang. Padahal Samadi telah menghasilkan lebih 51 buah sajak dan pernah menghasilkan buku kumpulan sajak bertajuk *Senandung Hidup* (1994, hlm.15). Dengan demikian, seboleholehnya janganlah hal ini terjadi kepada Rahman Shaari. Pengiktirafan perlu diberikan kerana sumbangan beliau bukan sedikit kepada negara. Wajarlah kajian ini menobatkan nama Rahman Shaari dan mengetengahkan ketokohan beliau dalam bidang sajak ini.

1.4 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa faktor menjadikan kajian ini sangat penting dan berguna kepada masyarakat masa kini. Pertamanya, tesis ini dapat memberikan sumbangan dalam memperkayakan lagi penyelidikan tentang puisi Melayu khususnya puisi Rahman Shaari.

Kajian ini diharapkan akan dapat membuktikan aspek kepengarangan dan individualiti Rahman Shaari dalam bidang sajak. Seterusnya, dapat memberi idea kreatif kepada pengkaji lain untuk mengkaji persembahan sajak di pentas dan teknik hafalan yang merupakan satu daripada aspek penting sebagai satu daya tarikan persembahan sajak beliau. Oleh itu, hasil kajian ini dapat memberikan panduan kepada pengkaji lain untuk mengkaji tentang aspek persembahan puisi pentasnya.

Seterusnya, bertambah lagi pengkarya sastera negara apabila nama Rahman Shaari turut disebut berada sebaris dengan nama-nama besar para penyair termasuk sasterawan negara seperti Kamaludin Muhammad atau Keris Mas, Shahnnon Ahmad, Usman Awang, A. Samad Said, Muhammad Haji Salleh, Noordin Hassan, Abdullah Hussain, Syed Othman Syed Omar, Anwar Ridhwan, Ahmad Kamal Abdullah atau Kemala, Baha Zain dan Zurinah Hassan yang telah mempunyai keperibadian yang kukuh. Dengan demikian akan bertambah ramai lagi tokoh sastera terkemuka di negara kita yang dapat ditampilkan dalam dunia kesusasteraan dengan gaya atau keperibadian yang tersendiri. Nama-nama penyair dalam dunia kesusasteraan tidak lagi terhad kepada nama-nama tertentu sahaja. Kini, dunia sastera akan bertambah seorang lagi tokoh sastera negara iaitu Rahman Shaari yang sepatutnya mendapat penghargaan atau pengiktirafan ini sejak lama dahulu. Oleh hal yang demikian, pengiktirafan ini akan dapat mendorong para penyair muda untuk meneruskan perjuangan dalam bidang sajak. Dengan itu, seni sajak akan terus dapat dipertahankan sebagai satu khazanah orang Melayu zaman berzaman.

Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan rujukan dan panduan yang sangat berguna kepada institusi pendidikan misalnya sekolah rendah dan menengah, sehingga ke peringkat universiti. Sebagai rujukan untuk guru-guru dalam mengajar subjek kesusasteraan Melayu di sekolah. Bagi sekolah rendah dan menengah, sajak yang dikaji turut dapat dilihat dari sudut nilai-nilai murninya dan guru sekolah juga boleh mengajar sajak dalam persembahan yang sering kali dianjurkan oleh pihak tertentu misalnya pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, pejabat kebudayaan dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini memberi impak yang besar terhadap kesinambungan sebuah seni warisan negara terutama orang Melayu yang merupakan penduduk peribumi negara ini agar tidak lupa dengan budaya bangsa.

Dalam dunia pendidikan juga ada diselitkan sajak dalam buku-buku teks Bahasa Melayu dari sekolah rendah hinggalah sekolah menengah dan akhirnya ke peringkat pendidikan tinggi. Peringkat pentingnya sajak dalam alam pendidikan tidak dapat dinafikan lagi. Merujuk kepada soalan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), soalan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pasti ada diselitkan sajak untuk dikaji oleh murid-murid. Ini menunjukkan begitu terkesan karya sajak dalam dunia pendidikan sama ada dalam pengajian sekolah rendah, menengah mahupun di menara gading. Usaha para karyawan atau penyajak dalam kalangan individu tidak mengira bangsa dan keturunan amatlah disanjung tinggi. Sememangnya hasil karya dan kerahan idea para penulis sajak dan deklamator sajak amat besar sumbangannya kepada Negara.

Kita tidak mahu dek kemajuan zaman dengan segala *genre* yang mempengaruhi anak-anak generasi Y dan Z, mereka telah tidak mengenali kehalusan seni sesebuah sajak.

Kajian ini juga penting untuk kesinambungan semangat nasionalisme dalam diri rakyat Malaysia. Oleh itu, peranan penyair dan sajak amat penting dalam menerapkan semangat nasionalisme dalam diri rakyat Malaysia agar cintakan negara dan menghindari dari anasir-anasir jahat yang ingin mengganggu gugat keharmonian kaum di Malaysia.

1.5 Objektif Kajian

1. Menghuraikan tema dan persoalan dalam sajak Rahman Shaari berdasarkan tempoh kepengarangan.
2. Menganalisis aspek kepengarangan Rahman Shaari dalam penghasilan sajak.
3. Merumuskan konsep individualiti kepengarangan Rahman Shaari.

1.6 Soalan Kajian

1. Apakah tema dan persoalan dalam sajak Rahman Shaari berdasarkan tempoh kepengarangannya?
2. Apakah aspek kepengarangan Rahman Shaari dalam penghasilan sajak?

3. Bagaimanakah kepengarangan Rahman Shaari menimbulkan konsep ndividualiti?

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini membataskan sebanyak lima buah buku kumpulan sajak milik beliau iaitu *Kesan Kunjungan* (1982), *Selamat Pagi Fajar* (1989), *Melati dan Bahang* (1994), *Anjung Deklamator* (2005) dan *Anjung Persinggahan* (2006). Buku *Anjung Persinggahan* kelihatan bercampur-baur dengan sajak lama dan baharu lalu pengkaji menetapkan untuk memfokuskan kepada hasil sajak yang baharu sahaja dalam kumpulan sajak ini. Lima buah kumpulan sajak ini telah pun dapat mewakili gaya sajak beliau agar kajian dapat memberi lebih fokus kepada karya sajak Rahman Shaari. Taburan sajak dalam kumpulan sajak tersebut seperti berikut :-

Jadual 1.2

Kumpulan Sajak Rahman Shaari yang Dikaji

Bil	kumpulan sajak	Jumlah
1	Kesan Kunjungan	88
2	Melati dan Bahang	52
3	Selamat Pagi Fajar	40
4	Anjung Deklamator	54
5	Anjung Persinggahan	173

Dalam bab 4 nanti, sajak yang terpilih akan dianalisis bagi mengkategorikan tema setiap sajak yang dilahirkan untuk melihat aspek kepengarangan dan individualiti Rahman Shaari melalui sajak yang beliau telah hasilkan.

Teori Teksdealisme yang mengandungi prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan keperibadian atau individualisme diaplikasikan dalam kajian ini. Teori Teksdealisme ini adalah hasil ciptaan Mana Sikana pada tahun 1993. Pada sekitar tahun tersebut sememangnya dianggap era kebangkitan teori tempatan. Teori Teksdealisme juga telah mula diajarkan di beberapa pusat pengajian tinggi dan pada tahun 1996 buku Teori Sastera Teksdealisme telah diterbitkan oleh Jabatan Persuratan Melayu, UKM (Mana Sikana, 2006, hlm.268). Selain teori Teksdealisme, teori Stilistik turut diterapkan bagi merungkai berkenaan bahasa dalam penulisan sajak Rahman Shaari dan seterusnya mencari kesahan terhadap hipotesis seni artistik yang sering dikaitkan dengan Rahman Shaari dari segi bahasa.

Beliau turut berkecimpung dalam menyelenggarakan buku-buku sajak yang memuatkan antologi sajak lama dan sajak moden iaitu *Lukisan Zaman, Tanggapan, Bahan dan Kaedah Pengajaran Sastera, Pesan Camar, Sebuah Hati di Cheng Du* dan banyak lagi. Beliau pernah menghasilkan *Kamus Kata Klasik* sebagai panduan kajian prosa dan sajak tradisional.

Selain itu, beliau juga cenderung dalam penulisan novel, Rahman Shaari mampu tersenyum dengan lima novel yang sudah dihasilkan, termasuk *Semoga Molek* (2013) terbitan Alaf 21. Namun, karya berikut termasuk sebagai bahan kajian kerana pengkaji hanya memfokuskan kepada kumpulan sajak beliau bagi mengidentifikasikan tema dan persoalan sajak, aspek kepengarangan dan individualiti beliau dalam karya sajak.

1.7.1 Pemilihan sajak

Dalam mengkaji kepengarangan dan seni bersajak Rahman Shaari, pemilihan sajak membataskan kepada lima buah kumpulan sajak hasil karya Rahman Shaari iaitu *Kesan Kunjungan* (1982), *Selamat Pagi Fajar* (1989), *Melati dan Bahang* (1994), *Anjung Deklamator* (2005) dan *Anjung Persinggahan* (2006). Setiap kumpulan sajak itu, keseluruhan sajak akan dikaji dalam kajian ini. Namun, dalam *Anjung Persinggahan* akan berfokus kepada 35 sajak daripada 173 sajak yang terdapat dalam buku tersebut memandangkan terdapat pengulangan sajak daripada 4 buah kumpulan sajak yang lain. Pembahagian jumlah sajak adalah seperti berikut:-

Jadual 1.3

Jumlah sajak dalam lima kumpulan sajak Rahman Shaari

Bil.	Kumpulan Sajak	Jumlah
1	Kesan Kunjungan	88
2	Melati dan Bahang	52
3	Selamat Pagi Fajar	40
4	Anjung Persinggahan	35
5	Anjung Deklamator	42
Jumlah:		257

Dalam kajian ini, sebanyak 257 buah sajak akan dikaji secara holistik bagi menemukan tema dan persoalan sajak Rahman Shaari, aspek kepengarangan dan individualiti Rahman Shaari dalam bidang puisi khususnya sajak. Sajak-sajak ini dipilih berdasarkan tema dan persoalan, pemilihan diksi, dan gaya bahasa. Perubahan demi perubahan atau anjakan paradigma juga berlaku terhadap proses penulisan sajak Rahman Shaari dari semasa ke semasa turut diberi perhatian. Pemilihan sajak ini cenderung kepada menampakkan kematangan dari segi ruang lingkup pemilihan tema, pemilihan diksi dan perkataan dalam sajak yang dihasilkan bersesuaian dengan persembahan pentas sajak yang menjadi amalan sepanjang pelibatan beliau dalam setiap seni persembahan sajak.

1.7.2 Batasan masa kajian (1971 - 2006)

Kumpulan sajak yang terpilih adalah dalam buku kumpulan sajak *Kesan Kunjungan* (1982), *Selamat Pagi Fajar* (1989), *Melati dan Bahang* (1994), *Anjung Deklamator* (2005), dan *Anjung Persinggahan* (2006).

Sajak-sajak yang dipilih adalah dari tahun 1971 hingga 2006. Sajak terpilih akan diperincikan berdasarkan teori Teksdealisme dan teori Stilistik agar dapat ditemukan keperibadian dan proses kepengarangan Rahman Shaari dengan melihat perubahan demi perubahan atau anjakan paradigma dalam penghasilan sajak Rahman Shaari dan seni persembahan sajak dalam karya dan persembahan sajak beliau. Buku kumpulan sajak beliau berjudul '*Penunggang Kenyataan*' yang dihasilkan oleh Rahman Shaari pada tahun 2015 tidak dimasukkan dalam kajian ini kerana kajian dihadkan pada kumpulan sajak yang dihasilkan hingga 2006 dan beliau juga dianugerahkan S.E.A Write Awards pada tahun 2007.

Rahman Shaari dikenali sebagai seorang penyair, namun beliau juga berkecimpung dalam bidang penulisan bahan sastera. Antara karya-karya lain Rahman Shaari ialah seperti *Di Sekitar Sastera dan Kritikan* (1981), *Kuntum Pertiwi* (bersama Anwar Ridhwan, 1982). Kini beliau menjadi kolumnis undangan untuk akhbar Sinar Harian.

Selain itu, beliau turut melibatkan diri dalam penulisan skrip drama dan novel. Antara skrip drama yang pernah dihasilkan ialah *Petua Perkahwinan*, *Wisma Wahub* dan *Harimau*. Cerpen-cerpennya pula terkumpul dalam *Ratu Adil* (1980), *Gangguan* (1986), dan *Puteri Tawanan* (1993). Manakala antara novelnya ialah *Mufarakah* (1992), *Takungan*



Hajat (1995), *Suluh Peraba* (1996), *Tirai Tokoh* (1997), *Burok* (2002), dan *Psiko Babo* (2004) (Selina S.F Lee, 2007, hlm.157).

Dalam kajian ini, genre sajak sahaja dipilih memandangkan penghasilan karya sajak beliau lebih banyak dan aktif berbanding penulisan cerpen dan novel. Menurut Rahman Shaari beliau menulis novel kerana penulisan sajak maksudnya tidak jelas untuk difahami terus oleh pembaca, namun jika menulis novel, segalanya diceritakan secara terperinci termasuk watak, isu dan pengajarannya. Namun begitu, ia tidak bermakna Rahman Shaari sudah meninggalkan dunia sajak. Beliau ketika itu masih lagi menerima jemputan untuk mendeklamasi sajak dan sajak sehingga kini kerana memang itu kelebihannya (Utusan Melayu, 2007).



1.7.4 Pemilihan tokoh sajak Rahman Shaari

Setiap kajian pasti ada kekuatan untuk diketengahkan bagi menghasilkan kajian yang berkualiti dan dapat dijadikan rujukan kepada masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, tokoh sajak Rahman Shaari atau nama sebenarnya Abdul Rahman bin Shaari atau Rohman Shaary dilahirkan pada 5 September 1949 di Kampung Utan Lembah, Oran, Perlis. Beliau dipilih bersandarkan kepada sumbangan beliau dalam bidang sajak. Walaupun beliau terlibat dalam penulisan cerpen, novel, penulisan skrip drama, teater namun beliau lebih terserlah dalam bidang kepenyairan. Selain daripada penerbitan sajak secara antologi, beliau juga mempunyai beberapa buku kumpulan sajak. Kali pertama



kumpulan sajak beliau diterbitkan adalah pada tahun 1979 bertajuk *Hamparan Kuning* dan penulisan kumpulan sajak yang akhir ialah pada tahun 2008 bertajuk *Anjung Deklamator*. Kecintaannya terhadap sajak turut menghasilkan sebuah lagi kumpulan sajak bertajuk *Penunggang Kenyataan* pada tahun 2015 pada ketika umur beliau menjangkau 66 tahun. Beliau tidak pernah berdiam diri dalam dunia persajakan malah terus aktif dalam bidang sajak apatah lagi beliau pernah bertugas sebagai pensyarah di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan atau ASWARA. Beliau juga masih aktif berkarya dan pertunjukan pentas dalam mendeklamasikan sajak, setiap persembahan sajak beliau pasti beliau akan menghafal sajak tersebut dan mempersembahkan sajak dengan baik.

Selain itu, beliau juga adalah orang yang bertanggungjawab membina teori *Anjakan Makna* bagi menambah teori sastera tempatan. Menurut Abdul Halim Ali, dalam era mutakhir telah menyaksikan kemunculan beberapa teori dan pendekatan baharu dalam dunia teori dan kritikan sastera Melayu. Mohd Mokhtar Hassan memperkenalkan *Pendekatan Kata Kunci*, A.Wahab Ali dengan teori *Sastera Warisan*, Rahman Shaari dengan teori *Anjakan Makna* dan Abdul Halim Ali dengan teori *Estetika Bersepadu*. Kedudukan teori sastera Melayu tidak berpusat di Malaysia sahaja malah berkembang di rantau nusantara seperti Singapura, Brunei, Thailand dan Indonesia (2013, hlm.197). Para pelajar universiti dapat menggunakan teori ini dalam penyelidikan ilmu sastera. Justeru, pemilihan tokoh Rahman Shaari sememangnya pemilihan yang tepat.

Rahman Shaari terkenal dalam penciptaan sajak, penulisan cerpen dan novel, selain drama dan esei kritikan kesusasteraan. Beliau sering memenangi pelbagai hadiah penulisan, antaranya *Kesan Kunjungan* (1982), *Selamat Pagi Fajar* (1989), *Melati dan Bahang* (1994), *Anjung Deklamator* (2005), *Anjung Persinggahan* (2006), dan *Rahman Shaari in Translation* (2007). Banyak kajian dan penyelidikan kesusasteraan yang telah dilakukan oleh beliau antaranya *Kritikan Sastera Melayu* (1988), beliau juga penyusun *Kamus Pekan Ilmu* (2004), Rahman Shaari mengikuti *The International Writing Programme* di Universiti Iowa, Amerika Syarikat (1991). Sebelum itu beliau pernah berkursus teater pendidikan di Universiti Warwick, England (1986). (Selina S.F Lee, 2007, hlm.157).

Keunikan beliau dalam mendeklamasikan sajak secara hafalan dan gaya yang tersendiri dalam setiap persembahan sajaknya menjadikan pemilihan beliau dalam kajian ini amatlah bertepatan dan sangat menarik. Beliau begitu mengambil berat dalam setiap persembahan sajak. Menurutnya dalam buku *Anjung Deklamator*, seseorang yang mendeklamasikan sajak perlu mengambil berat tentang gaya persembahan termasuk memek muka, perubahan suara, gerak tubuh, dan hal-hal yang berkaitan dengan teater dan drama. Menurutnya lagi, jika deklamator tidak berupaya menghafal sajak atau berasa tidak cukup waktu untuk menghafalnya, pembacaan biasa juga boleh menjadi berkesan setelah kesemua segi persembahan diambil perhatian (2008, hlm. vi).

Pemilihan Rahman Shaari sebagai tokoh penyair juga berdasarkan bakat beliau yang boleh dikatakan setaraf penyair tersohor negara seperti Usman Awang, A.Samad Said

dan lain-lain. Usman Awang misalnya turut menceburkan diri dalam pelbagai aktiviti kesusasteraan iaitu drama, cerpen, esei dan sajak sama seperti Rahman Shaari. Tema sajak Usman Awang juga mencakupi pelbagai perkara. Jika diperhalusi, sajak-sajaknya bertolak daripada diri, keluarga, permasalahan, atau konflik masyarakat, kehidupan sekeliling, dan tentang perang dan damai. Tema seumpama ini lumrah dalam karya tahun-tahun 1940an, dan 1950an (Anwar Ridhwan, 2015, hlm.139). Karya awalnya bertajuk *Korban Tanahair* pada tahun 1948 merupakan pemikirannya yang peka kepada permasalahan yang dihadapi oleh rakyat. Selain itu, dalam sajak *Jiwa Hamba*, Usman Awang percaya bahawa jiwa perlu dibebaskan:-

*Selagi hidup berjiwa hamba
Pasti tetap terjajah abadi*

Kemudian, sajak yang menyentuh tentang golongan masyarakat yang bersikap berpura-pura. Usman Awang melihat kepura-puraan ini dengan sinis melalui sajak *Pelampung Terapung*

*Pada dahan sedang kering
Tiada tangan berani bergantung
Pada kawan telah berpaling
Terlepas kata pelampung terapung*

Hal ini demikian, ada orang yang tidak berani menghadapi kebenaran dan cabaran. Ada orang yang hanya berpura-pura. Sikap hipokrasi menjadi teras kepada kesenangan diri (2015, hlm.143).

Selain itu, A.Samad Said turut memulakan karyanya dengan sajak dan cerpen kemudian penulisan novel, drama dan kritikan sastera. Menurut Sohaimi Abdul Aziz,

adakah A.Samad Said menguasai kesemua genre itu dalam menghasilkan nilai artistik yang bertenaga bagi membantu pembaca mendapatkan pengalaman estetik yang berkesan? (2002, hlm.3) Keupayaannya dalam menghasilkan kesusasteraan dengan pelbagai genre sememangnya hampir menyamai perjalanan karier sastera penyair Rahman Shaari. Sajak dan cerpennya mula tersiar sewaktu beliau masih di bangku sekolah. Sebelum terbitnya novel *Salina* yang mengharumkan namanya di persada antarabangsa, beliau terlebih dahulu menulis sajak sehingga lahirnya kumpulan sajak bertajuk *Liar di Api*. Kemudian muncul lagi kumpulan sajak *Benih Harapan* pada tahun 1973, *Daun Semalu Pucuk Paku* 1975, *Benih Semalu* 1984. Beliau menerima anugerah Sasterawan Negara yang ke 4 pada tahun 1985.

Rahman Shaari turut menerima anugerah S.E.A Write Awards pada tahun 2007. Anugerah Penulis Asia Tenggara, Southeast Asian Write Award atau lebih dikenali sebagai S.E.A. Write Awards merupakan anugerah berprestij yang diwujudkan bagi mengiktiraf para penulis dan penyair terkemuka di negara-negara rantau ASEAN, iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam. Anugerah ini merupakan anugerah yang diberikan setiap tahun sejak tahun 1979 kepada penyair dan penulis Asia Tenggara.

Beliau turut dianugerahi Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalullail (DPSJ) oleh DYMM Raja Perlis sempena ulang tahun Keputeraan Baginda ke-70, pada 17 Mei 2013. Rahman Shaari jika dilihat dari sudut sebagai seorang penulis, nyata beliau seorang aktivis gerakan sastera tanah air yang berjaya dan turut diberi peluang menulis tentang dunia

sastera dalam akhbar Utusan Malaysia dalam ruangan *rencana*. Dengan demikian, maka pemilihan Rahman Shaari sebagai tokoh kajian ini adalah tepat.

1.8 Definisi Konsep dan Operasional

Dalam kajian ini, beberapa perkataan dalam tajuk kajian diberi pendefinisian bagi memudahkan pengkaji membuat analisis dalam kajian ini. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat definisi merujuk kepada kenyataan ringkas dan padat bagi menjelaskan konsep atau makna sesuatu kata. Frasa, dan takrif iaitu sebahagian besar perkataan dalam kamus itu diberi makna dan dituruti oleh kata seerti (2005, hlm.326). Manakala, konsep adalah bermaksud am atau idea yang mendasari sesuatu idea (2005, hlm.816). Definisi konsep ini penting untuk pengkaji memahami maksud setiap perkataan dengan lebih terperinci dalam kajian ini.

1.8.1 Sajak

Kata sajak (poetry) berasal daripada perkataan Latin poetess, bahasa Greek *poetrie* bermaksud *in rapid speech sometimes* (Gove, 1986, hlm.1749). Pendeta Za'ba (Zainal Abidin bin Ahmad, 2000, hlm.222) mendefinisikan sajak sebagai karangan berangkap itu ialah karangan yang disusun dengan bahagian yang berkerat-kerat, dan antara sekerat dengan sekerat itu biasanya berjodoh bunyinya atau rentaknya atau isinya, serta

kebanyakannya memakai timbangan atau sukatan yang tertentu. Dalam perbahasan pengarang-pengarang cara baharu sekarang karangan demikian ini disebut *sajak* (berlawan dengan *prosa* iaitu karangan yang lurus sahaja).

Keindahan sajak dalam masyarakat dahulu sangat penting kerana sajak bukan sahaja menampilkan keindahan pada bunyi, nada dan gaya bahasanya, tetapi juga cakna dalam wahana pengungkap pemikiran, falsafah dan menjayakan komunikasi sosial dengan berkesan dan harmoni. Sajak menjadi perkakas komunikasi yang menghubungkan bukan sahaja anggota dalam satu masyarakat tetapi juga dengan masyarakat lain. Ini menunjukkan sajak sebagai alat komunikasi sosial mahupun wadah pengajaran. Kenyataan ini sejajar dengan pernyataan Robert C.Pooley yang menyebut '*orang yang menutup telinga terhadap sajak akan terpercil dari satu wilayah yang penuh dengan kekayaan berupa pengertian manusia, pandangan perseorangan, sensitiviti yang jelas upaya yang dituntut*' (A. Halim Ali, 2013, hlm. 4).

Edwin Arlinton Robinson (Kamaruddin Husin dan Siti Hajar, 1998, hlm.57) mendefinisikan sajak sebagai *the record of the best and happiest moments of the best and happiest mind*. Mathew Arnord pula mendefinisikan sajak sebagai *a critic of under the condition fixed for such criticism by the laws of poetic truth and beauty*. Menurut kedua-dua tokoh ini melihat sajak daripada beberapa aspek iaitu pandangan tentang kehidupan. Kebenaran, kecantikan, fikiran terbaik, emosi dan bahasa yang indah.

Sajak menurut Dinsman ‘...sajak itu adalah seronok’ (Siti Zainon Ismail, 1994, hlm.30) ini bermakna sajak adalah sesuatu yang indah untuk ditafsir maksudnya. Ini kerana sajak mengandungi banyak diksi yang menimbulkan keindahan dalam sesebuah sajak. Manakala menurut kamus dewan, edisi keempat sajak adalah yang berbentuk sajak, syair, pantun dan lain-lain.

H.B Jassin, seorang peneliti dan pengkritik kesusteraan Indonesia yang terkemuka menyatakan bahawa sajak ialah pengucapan dengan perasaan yang dalamnya mengandungi fikiran-fikiran dan tanggapan – tanggapan (H.B.Jassin, 1963, hlm.33).

Menurut A.Halim Ali (2013, hlm.15-19) terdapat banyak pengertian sajak yang diberikan oleh sarjana dan sasterawan negara dalam era moden. Ada yang menyatakan sajak lebih kepada aspek estetika dan ada juga yang menyatakan sajak fokus kepada bentuk, bahasa dan bermacam-macam-macam lagi. Namun beliau menyatakan sajak pada dasarnya lebih merupakan sifat atau nilai keindahan dalam pengungkapan bahasa menggunakan bahasa yang indah dan puitis. Beliau turut mencatatkan bahawa Rahman Shaari (1978) memetik pendapat beberapa orang tokoh seperti Za’ba, Ralph Waldo Emerson dan S.T Coleridge. Ralph berpendapat sajak mengajar sebanyak mungkin dengan kata-kata yang sedikit mungkin, manakala S.T Coleridge pula menyatakan sajak sebagai kata-kata terbaik dalam susunan terbaik.

Kamus Istilah membawa maksud sajak lama sebagai sajak yang belum dipengaruhi oleh sajak barat. Bentuk sajak lama adalah pantun, gurindam, dan syair. Ini bermaksud

sajak lama ialah barisan sajak yang tidak menerima langsung unsur-unsur sajak daripada barat (1994, hlm.44).

A.Halim Ali memberikan pendapat bahawa sajak yang larut dalam jiwa masyarakat tidak hanya sebagai satu hasil kesenian, tetapi juga menjangkau alam mistik, berperanan sebagai wadah memelihara adat, pembinaan sahsiah, pengajaran agama, pengajaran ilmu pengasih, pertahanan, hiburan dan kepercayaan (2004, hlm.2).

Menurut Mohd Rosli Saludin dalam buku bertajuk *Penghayatan Kesusasteraan Melayu Moden*, sajak adalah salah satu jenis sastera merupakan pernyataan sastera yang paling inti. Segala unsur seni kesusasteraan mengental dalam sajak. Oleh itu, sajak dari dahulu hingga sekarang merupakan pernyataan seni sastera yang paling baku (2005, hlm.171)

Menurut Mursal Esten sajak berbeza dengan prosa. Sajak dibangunkan melalui intensifikasi, maka seseorang yang ingin memahami sajak perlu mampu menemukan makna yang mendalam dari setiap bait kata, frasa, larik, atau imaginasi yang ada dalam sesebuah sajak berdasarkan makna konotatif dalam setiap diksi sajak tersebut (1995, hlm.32),

Sajak adalah satu cabang kesenian yang disebut kesusasteraan yang bererti bahasa indah, berirama, dan mempunyai bentuk. Selain Sajak, prosa adalah satu lagi cabang kesusasteraan. Sajak dan prosa mempunyai bahagian-bahagian tertentu dan tiap-tiap

bahagian ada pelbagai jenis pula. Sajak pada dasarnya lebih merupakan sifat atau nilai keindahan dalam pengungkapan bahasa. Ungkapan atau penggunaan bahasa yang indah disebut puitis. Dalam prosa dan drama, keputisan juga ditemukan dan dinikmati. Justeru, orang yang menikmati dan menemukan keputisan akan menyebut dan mengungkapkan *alangkah indah dan puitisnya bahasa dalam cerita itu...* Pengungkapan ini membayangkan terdapat unsur puitis tidak dimunculkan dalam sajak sahaja atau mendasari genre sajak sahaja malah juga berbentuk genre sastera (Abdul Halim Ali, hlm. 2).

Seterusnya, Zaba pula mendefinisikan sajak sebagai karangan berangkap yang khas dipakai melafazkan fikiran yang cantik dengan bahawa yang indah dan melukiskan kemanisan bahasa. Sebagai bahasa berangkap, sajak itu disusun dengan bahagian yang berkerat-kerat. Di antara sekerat-sekerat biasanya jodoh bunyi atau rentak atau isinya serta kebanyakannya memakai timbangan atau sukatan tertentu.

Menurut Sahlan Mohd Saman, perkataan '*sajak*' lebih umum konotasinya kerana ia membawa erti tulisan berangkap serta berirama sama ada yang tradisional mahupun yang moden. Tetapi '*sajak*' lebih mengkhusus kepada sajak moden yang sedikit sebanyak membawakan penyimpangan (deviation) daripada ciri-ciri asalnya. Penciptaan dilakukan atas beberapa kemungkinan. Selain itu, daripada konvensi, mungkin juga ciri-ciri eksperimen ingin kepada sesuatu yang baharu membawakan identiti sendiri atau tidak gemar ciri keterikatan lalu membebaskan diri walaupun bermula dengan kadar minima atau kecenderungan terikut-ikut gaya penulisan sajak yang diperkenalkan '*poetry*' Inggeris sama ada dalam bentuk bebas atau sonata yang disenangi pada era itu (2005, hlm.161).

Pada awalnya *sajak* dikenali oleh masyarakat Melayu pada awal dekad 1930an daripada istilah Arab *saja* iaitu persamaan bunyi. Namun, *sajak* bukanlah genre sastra Arab. Ianya hanyalah perkataan yang memberikan satu daripada beberapa ciri sajak mereka seperti qasidah, berzanji, nazam, rubai, masnawi dan lain-lain (Sahlan Mohd Saman, 2005, hlm.161).

Menurut Harun Mat Piah, sajak lisan dan sajak rakyat yang masih digunakan dalam kegiatan-kegiatan kesenian rakyat yang merupakan sebahagian daripada budaya rakyat yang dipersembahkan, disampaikan, dan disebarkan dalam bentuk lisan. Hampir kesemua nyanyian daerah atau senandung rakyat, nyanyian-nyanyian, ungkapan-ungkapan dalam pelbagai istiadat sosial dan keagamaan, zikir yang dilagukan atau mengiringi perlakuan yang bersifat magis, dipersembahkan dan diabadikan dalam bentuk sajak (1989, hlm. 4).

Menurut Desi Sri Cahaya dalam jurnal bertajuk *Sindiran Sebagai Penegas Kritik Sosial terhadap Kebobrokan Moral: Tinjauan Semiotik dan Stilistik Antologi Sajak Sosial 51 Penyair Pilihan, Bangga Aku Menjadi Rakyat Indonesia* menyatakan sajak adalah pada hakikatnya adalah suatu pernyataan perasaan dan pandangan hidup seorang penyair yang memandang satu peristiwa alam dengan ketajaman perasaannya. Perasaan yang tajam inilah yang menggetar rasa hatinya yang menimbulkan semacam gerak dalam daya rasanya. Lalu ketajaman tanggapan ini berpadu dengan sikap hidupnya mengalir melalui bahasa, menjadi sebuah sajak yang merupakan pengucapan penyair. Sajak juga merupakan karya seni (mengandung unsur estetik) yang unsur seni dominannya menggunakan

keindahan kata, gaya bunyi, gaya kata, gaya kalimat, wacana dan tipografinya (2015, hlm.13-14).

Menurut Dianie Abdul Jalil dalam bukunya *Teori dan Periodisasi Sajak Indonesia* menyatakan sajak merupakan pancaran kehidupan sosial, gejala kejiwaan dan segala aspek yang ditimbulkan oleh adanya interaksi baik secara langsung maupun tidak langsung, secara sadar atau tidak dalam suatu masa atau periode tertentu. Sehingga pancaran itu sendiri berlaku sepanjang masa selama nilai estetis berlaku dalam masyarakat (1984, hlm.11).

Pembelajaran Manakala, Kinaayati Djojuroto pula dalam bukunya bertajuk *Sajak Pendekatan dan* menyatakan sajak adalah suatu sistem penulisan yang margin kanan dan penggantian barisnya ditentukan secara internal oleh suatu mekanisme yang terdapat dalam baris itu sendiri. Dengan demikian, seberapa lebar pun suatu halaman tempat sajak itu ditulis, sajak selalu tercetak atau tertulis dengan cara yang sama. Dalam hal ini, penyair yang menentukan panjang baris dan ukuran (2005, hlm.9).

Dianie Abdul Jalil dalam bukunya *Teori Dan Periodisasi Sajak Indonesia* menyatakan sebuah karya sajak merupakan pancaran kehidupan sosial, gejala kejiwaan dan segala aspek yang ditimbulkan oleh adanya interaksi baik secara langsung ataupun tidak langsung secara sadar atau tidak dalam suatu masa atau periode tertentu. Sehingga pancaran itu sendiri berlaku untuk sepanjang masa selama nilai-nilai estesis dari sebuah karya sajak itu berlaku dalam masyarakat (1990, hlm.11).

Dengan kepelbagaian maksudnya sajak maka dapat disimpulkan bahawa sajak adalah karangan yang mempunyai bunyi, ritma, nada, dan gaya bahasanya yang tersendiri. Sajak turut dapat menjadi alat komunikasi dalam sesebuah masyarakat yang menghubungkan bukan sahaja anggota dalam satu masyarakat tetapi juga dengan masyarakat lain. Selain itu, sajak juga mempunyai nilai estetika dalam pengungkapan bahasa menggunakan bahasa yang indah dan puitis yang dapat mewujudkan kemanisan dalam berbahasa.

1.8.2 Kepengarangan

05-4506832 Kepengarangan bermaksud mengkaji hasil karya pengarang dan pemikiran beliau dalam proses penghasilan sesebuah karya sehingga dapat menemukan individualisme pengarang berdasarkan kepengarangannya. Merujuk kepada Pusat Rujukan Persuratan Melayu dari Dewan Bahasa dan Pustaka, kepengarangan bermaksud perihal yang berkaitan dengan pengarang dan karya kepengarangan haruslah berpanjangan.

Siti Hawa Munji dan Ma'rof Redzuan (1990, hlm.140) unsur-unsur personaliti termasuk pemikiran, persepsi, fobia, pencapaian, motivasi, kecerdasan, kepercayaan, keupayaan, perangai, sikap, nilai, kebiasaan dan watak. Kajian psikologi menyentuh hal personaliti dan apa yang dialami oleh pengarang sepanjang kehidupan mempunyai hubungan langsung dengan psikologi dan tingkah laku. Setiap tingkah laku memberi kesan kepada orang lain. Pengarang bertindak balas dengan persekitaran atau orang lain melalui

karya yang dihasilkan. Setiap pengarang mempunyai keperibadian dan penghasilan hasil karya yang tidak sama dengan pengarang lain. Pengarang sentiasa berusaha membina identiti atau personaliti tersendiri demi memisahkan dirinya dengan gaya penulisan pengarang lain.

Danie Abdul Jalil menyatakan dalam proses penciptaan sebuah sajak terlebih dahulu kita perlu memahami mengenai hidup dan kehidupan sosial. Ini kerana sebuah karya sajak yang baik di dalamnya tercermin dengan maksud menyampaikan segala aspirasi yang timbul. Sama ada dalam diri penyair mahu pun gejolak yang ada dalam masyarakat dan berada dalam lingkungan sosial (1990, hlm.16-17). Beliau merungkai beberapa elemen dalam proses ini iaitu pengalaman, penafsiran, penilaian, penghayatan, memutuskan dan pencurahan. Menurutnya, *pengalaman* merupakan faktor penting bagi seorang penyair mengetahui secara aktual peristiwa yang berkaitan dengan apa yang akan dihasilkan dalam sesebuah sajak. *Penafsiran* pula merupakan pandangan penyair terhadap sesuatu peristiwa. Oleh itu, penting bagi seseorang penyair memiliki catatan-catatan kecil sebagai fakta peristiwa untuk memudahkan penafsiran dilakukan. Seterusnya, faktor *penilaian* dalam penulisan Diane ini menerangkan pada realitinya dalam menilai sesuatu peristiwa setiap individu berbeza pandangannya.

Justeru, penilaian sangat penting dalam menentukan hala tuju penyair menulis sesebuah sajak sama ada berpihak atau tidak pada sesuatu peristiwa itu (1990, hlm.19). Manakala aspek *penghayatan* amat penting terhadap sesuatu peristiwa. Ini penting bagi menegakkan keutuhan sesuatu peristiwa itu. Dalam erti kata lain, pemikiran dan

penggalan disertai pandangan yang dalam terhadap sesuatu peristiwa (1990, hlm.21). Aspek 'memutuskan' pula bermakna melihat hakikat seorang penyair. Sebetulnya, seseorang penyair perlu bijak memutuskan gagasan atau ideanya sendiri dari sesuatu peristiwa terhadap karya sajaknya yang telah ada pertimbangan atau peristiwa yang dihadapinya. Sejauh mana dialog peribadi penyair terhadap lingkungan sosialnya, misalnya sebuah karya sajak penyair terkenal Indonesia W.S Rendra bertajuk *Bersatulah pelacur-pelacur Kota Jakarta*, bagaimana kalau karya seperti ini lahir pada zaman sekarang? Ironinya, bukan ditujukan pada khalayak namun karya ini tetap dikatakan penghasut massa. Namun, Rendra beruntung kerana karya ini lahir dalam keadaan masyarakat sedang emosional terhadap tirai pemerintahan ketika itu. Akhirnya, aspek *pencurahan* bermaksud bersatunya segala aspek yang ada dalam proses yang telah dibuat sehingga terhasilnya segala inspirasi dan diluahkan dalam sebuah karya sajak (1990, hlm. 22).

Seterusnya, kepengarangan dalam konteks tradisional dan moden pula adalah berbeza dari sudut konsep dan pencariannya. Dalam konteks tradisional, kepengarangan menggalurkan sejarah dan latar pengarang, kedudukannya, cara-cara dia mengarang dan kemudian masuk ke dalam teks. Namun, kepengarangan dalam konteks terkini oleh Barthes, Foucault, Greenblatt dan Womack sudah berubah, percanggahan daripada konsep kematian teks, penghayatan status, penunjangan kekinian atau penyuaran budaya sering dijadikan landasan perbicaraan tentang kepengarangan (Mana Sikana, 2004, hlm.660-661).



Mana Sikana menyatakan penerapan psikologi dalam penciptaan karya adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan dianggap cukup memberi kesan kepada pembaca. Pendekatan psikologi beranggapan bahawa hasil kesusasteraan lahir dari keadaan manusia yang sedang berada dalam situasi separuh sedar (2009, hlm.129).

Shafie dan Mohd Afendi menyatakan pentingnya pengarang memiliki ilmu pengetahuan yang luas dan melakukan sesuatu yang benar supaya pengarang itu bijaksana dan dapat mengamalkan ilmu dengan betul berlandaskan sumber wahyu. Dengan demikian, dapat dilihat bahawa prinsip kepengarangan seperti ini jauh berbeza dengan prinsip kepengarangan barat yang lebih bergantung pada sumber akal dan pengalaman semata-mata. Dalam gambaran sebenar peranan pengarang dalam melaksanakan tugas kepengarangannya di sisi Islam, Persuratan Melayu menawarkan asas yang paling dasar untuk diikuti oleh semua pengarang Melayu Islam (Abdul Halim Ali, hlm.96-97).

Syed Nasir Ismail dalam Hamzah Hamdani menyatakan setiap pengarang adalah pembentuk fikiran manusia melalui karya. Dalam hal ini, pengarang berani menegakkan kebenaran berdasarkan pemerhatiannya yang teliti dan kritis. Berdasarkan ilmu pengetahuan yang dimiliki, pengarang dapat melihat tindak-tanduk manusia baik sebagai pemimpin, petani, golongan buruh, ibu bapa, pegawai – pegawai dan sebagainya. Melalui penglihatan juga, pengarang dapat menyelami jiwa watak yang ditulis dengan jelas (2006, hlm. 794).



Kepengarangan itu sendiri bermaksud perihal yang berkaitan dengan pengarang dan karya kepengarangan haruslah berpanjangan. Justeru, kepengarangan ini mencakupi latar belakang kehidupan, pengalaman yang pernah dilalui atau dirasakan ke dalam sajak. Pengarang atau penyair juga perlu bijak memberi pandangan, tafsiran peristiwa dan menghasilkan karya yang dapat mempengaruhi pembaca. Proses transformasi ini berlainan bagi seseorang pengarang dengan pengarang yang lain. Oleh itu, proses kepengarangan ini yang menjadi subjek utama atau objektif kajian ini.

1.8.3 Artistik

Menurut Kamus Dewan edisi empat, artistik bermaksud sangat indah yakni dikerjakan dan sebagainya dengan perasaan kesenian. Artistik juga berkaitan dengan nilai-nilai seni yakni tanpa bantuan segala ini, sesebuah filem akan mengecewakan dari segi artistik (2010, hlm.79).

Dalam Seminar Program Penghayatan Seni dan Budaya (PPSB) oleh Ismail Kassan (2006, hlm.1) dalam kertas kerja bertajuk '*Aspek Lakon dan Elemen Persembahan PPSB*'. Konsep persembahan sajak ialah kerja seni yang mengangkat makna sajak ke pentas. Persembahan kreatif menggabungkan elemen seni dalam persembahan iaitu deklamasi, lakon, tarian/gerak, nyanyian, muzik dan lain-lain.

Manakala penulis dari Indonesia pula iaitu Siti Zahra Yundiafi bersama dua orang rakan penulisnya iaitu Muhammad Jaruki dan Mardiyanto turut yang menyebut tentang latar cerita dalam Syair Kumbayat adalah di istana, hutan dan laut. Dalam huraian tersebut tidak semua latar tempat akan dijelaskan. Latar tempat yang diuraikan adalah latar penting yang menyangkut tokoh utama dan tokoh yang menonjol. (2000, hlm.109-110).

Menurut Mohd Rosli Saludin (2008, hlm.ix), pembacaan sajak yang konvensional amat membosankan, usaha Rahman Shaari dalam Persembahan Sajak Artistik memberi pendekatan yang lebih baik dalam deklamasi sajak. Dalam artistik ini, Rahman Shaari mementingkan latihan, mimik muka, suara, gerak tubuh, hafalan sajak, pakaian dan hal-hal yang berkaitan dengannya seperti drama dan teater. Rahman Shaari menyatakan bahawa seseorang yang muncul di pentas dengan wajah buah kelapa akan dianggap gagal jika wajahnya kekal seperti buah kelapa hingga ke akhir persembahan. Wajah deklamator hendaklah berubah menjadi durian, nanas, tembikai dan lain-lain mengikut konteks dan keperluan.

Sohaimi Abdul Aziz pula menyatakan keupayaan pengarang menghasilkan nilai artistik dalam karyanya dapat membantu pembaca. Nilai artistik dalam karya bukan satu kualiti tetapi satu kraf ataupun kemahiran kepengarangan seseorang pengarang mengungkap korelatif objektif ataupun penentu yang bertenaga. Kemahiran kepengarangan itu boleh dijejaki melalui teknik penulisan yang digunakan (2002, hlm.3).

Oleh itu, pengertian artistik ini sangat luas namun secara keseluruhannya artistik itu disifatkan sebagai cara bagaimana sesebuah sajak itu dipersembahkan. Artistik itu sendiri bermaksud sangat indah mempunyai maksud yang luas untuk dijelajahi akan maknanya antaranya sesuatu kegiatan yang dikerjakan dengan perasaan kesenian. Dalam puisi, artistik itu adalah idea kreatif dalam persembahan puisi yang menggabungkan elemen seni dalam persembahan puisi seperti deklamasi, lakon, tarian, nyanyian, muzik dan lain-lain.

1.8.4 Nilai

Menurut kamus ensiklopedia Dunia Melayu mendefinisikan nilai itu sebagai konsep tingkahlaku yang dapat diterima dan diamalkan oleh kelompok atau masyarakat tertentu. Nilai merujuk kepada perlakuan seseorang dalam kehidupan masyarakat. Nilai juga merujuk kepada tingkah laku positif atau perkara yang boleh diteladani (1997, hlm.91).

Menurut Zainal Kling dalam buku selenggaraan Abdullah Hassan *Kesarjanaan Peradaban Melayu*, terdapat pelbagai takrif tentang nilai, dari sudut sosiologi atau antropologi gagasan nilai itu adalah sesuatu yang disebut sebagai *yang mempunyai harga* atau pun *yang dihargai* (*worthwhileness*) dan *yang diinginkan* (*desireable*), C.Kluckhuhn (1951) misalnya mentakrifkan *values* sebagai *A conception, explicit or implicit, distinctive of an individual or characteristic of a group, of the desireable which influences the selection from available modes, means and ends of action*. Dengan demikian, gagasan

yang disebut dan pastinya diamalkan oleh anggota masyarakat dapat merupakan gagasan nilai yang mempunyai fungsi, peranan dan makna dalam kehidupan anggota masyarakat (2012, hlm.70).

Menurut Shahnnon Ahmad dalam bukunya *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan* menyatakan nilai dalam kehidupan membawa erti kata hasil ciptaan manusia yang kuat jiwa dan raganya, yang menyatakan dirinya dalam pelbagai kehidupan dan penghidupan manusia. Oleh itu, apabila menyentuh tentang nilai, terutama terhadap nilai penulisan kreatif, ia bermaksud nilai-nilai hasil penulisan kreatif yang dilandasi atau dijiwai atau dihayati oleh ajaran-ajaran Islam (1993, hlm.537-538).

Jika kamus ensiklopedia Dunia Melayu (1997, hlm.91) menyatakan *nilai* merujuk kepada perlakuan seseorang dalam kehidupan masyarakat, namun A.Wahab Ali dalam bukunya bertajuk *Kesusasteraan Melayu Dalam Bandingan dan Pendidikan* merujuk kepada nilai kebangsaan iaitu nilai-nilai yang diterima dan diamalkan oleh majoriti rakyat sesebuah negara. Mereka komited dengan nilai-nilai tersebut dan justeru mereka berbangga dengannya. Banyak aspek terangkum dalam nilai kebangsaan yang mana ia boleh menyentuh tentang pemimpin, kerajaan, politik, pendidikan, ekonomi, seni dan berbagai-bagai lagi aspek lain tentang upaya manusia (2009, hlm.171).

Nilai itu sendiri dapatlah disimpulkan bahawa perlakuan masyarakat ke arah yang lebih positif, membawa nilai-nilai murni dalam kehidupan masyarakat dan perlu kepada pegangan baik berlandaskan kepada agama agar sesebuah masyarakat itu mempunyai

kualiti dan nilai yang tinggi. Pengertian nilai ini penting dalam kajian ini untuk melihat perkara yang positif dalam membimbing masyarakat melalui sajak Rahman Shaari.

1.8.5 Pemikiran

Menurut kamus dewan, pemikiran bermaksud perihal berfikir, menyelesaikan masalah dengan cara berimajinasi bukan dengan menggunakan logik atau cara-cara pemikiran yang biasa sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan yang kelihatan luar biasa (kadang-kadang agak gila-gila sedikit) tetapi berkesan. (Kamus Dewan, 2010, hlm.351-352).

Perkataan pemikiran ialah perkataan nama terbitan daripada kata dasarnya fikir; asalnya daripada kalimat Arab iaitu *fikrun* atau *afkar*. Menurut definisinya ‘pemikiran itu bermaksud perihal berfikir (memikir) yang berasal daripada perkataan ‘fikir’ iaitu angan-angan, akal, anggapan, pendapat, sangka, kira (kamus dewan: 2010, hlm.351-352) Malah melalui karya kreatif yang digandingkan dengan pemikiran ini juga membentuk sebuah wacana berilmu-kesusasteraan berilmu itu lahir dari insan yang berilmu dan membijaksakan khalayaknya (1994, hlm.122)

Mohd Yusof Hasan (2004, hlm.27) dalam bukunya *Pembinaan Paradigma Pembinaan Pemikiran Peradaban Melayu* menerangkan secara terperinci maksud pemikiran. Beliau menulis bahawa pemikiran terdiri daripada definisi pemikiran dan pemikiran pendidikan. Pemikiran itu sendiri adalah bermaksud proses penggunaan akal manusia untuk berbagai-bagai tujuan dalam kehidupan. Pendidikan Pemikiran



merupakan satu proses mendidik dan mengajar supaya manusia bijak dan pandai menggunakan akal melalui cara formal dan informal. Terdapat empat jenis pemikiran iaitu pemikiran Luhur, pemikiran Lahir, pemikiran Logik dan pemikiran Lateral. Secara ringkasnya, pemikiran luhur adalah dari hati yang suci, luhur dan tinggi martabatnya berhubung dengan ketuhanan, keesaan dan keimanan, pemikiran Lahir khusus untuk peringkat kejadian awal manusia, pemikiran Logik terutama dalam komunikasi sehari-hari antara manusia dalam penulisan dan pembacaan, pertuturan, dan pendengaran, manusia perlu menggunakan ilmu logik. Akhirnya pemikiran Lateral, yang dipelopori oleh Edward de Bono. Pemikir Lateral ialah seorang yang inovatif, kreatif, dan imaginatif. Secara tuntasnya, pemikiran logik melahirkan sains dan teknologi manakala Lateral melahirkan seni dan kreativiti. Keempat-empat pemikiran ini perlu ada pada seorang manusia untuk membangunkan pemikiran bangsa.



Asmah Haji Omar (1986, hlm.17) pemikiran ialah kegiatan yang berlaku di dalam otak apabila menghadapi sesuatu keadaan, perbuatan dan sebagainya. Hasil daripada pemikiran adalah fikiran. Manakala, bagi Mohd Michael Abdullah (1995, hlm.1) menyatakan pemikiran merujuk kepada kebolehan manusia untuk mencipta gagasan-gagasan dan pengerti, berhujah, menilai dan membuat keputusan. Manusia dikurniakan kebolehan berfikir tetapi kemampuan berfikir setiap orang berbeza antara satu dengan yang lain tentang cara menggunakan kebolehan itu.

Talib Samat mentafsirkan pemikiran dengan pelbagai pengertian tentang *pemikiran* yang didefinisikan oleh Kamus Dewan sebagai *perihal berfikir*' (memikirkan)



sedangkan fikiran ialah '*hasil pemikiran, pendapat, pertimbangan, akal, upaya, muslihat*' Kamus Britannica mendefinisikan 'pemikiran' sebagai *branches of philosophy* Manakala penyusun *The World Book Dictionary* mendefinisikan 'pemikiran' atau '*mind*' sebagai '*the part of a person that knows and thinks and feels and wishes and chooses: the powers of processors of the mind, an anxious state of mind, peace: the intellect or understanding; mental ability; intelligent*' (2002, hlm.31).

Menurut S.Othman Kelantan mengenai maksud pemikiran menyatakan bahawa '*....nyatalah bahawa apa yang disebut pemikiran itu ialah fikiran atau idea yang wujud daripada golongan yang telah menggunakan akalnya dalam memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakat yang melibatkan dirinya atau lingkungannya; dan pemikirannya itu disebarkan ke dalam lingkungan masyarakatnya atau keluar daripada masyarakatnya*' (1997, hlm.8).

Selain itu, makna pemikiran mengikut W.J.S Poerdarminta ialah hasil atau kesan berfikir seseorang (dalam konteks karya imaginatif ialah penyair, cerpenis, dramatis dan novelis) terhadap sesuatu masalah, fenomena, dilema dan peristiwa-peristiwa di sekeliling mahu pun di luar daerah pemikir.

Hasil penelitian maksud pemikiran menemukan bahawa pemikiran pemikiran adalah cara berfikir untuk berimajinasi, menyelesaikan masalah, berkarya dan pemikiran ini juga membentuk sebuah wacana berilmu kesusasteraan bagi melahirkan insan yang

berilmu dan bijaksana dan berimajinatif. Elemen pemikiran juga penting untuk melihat kepengarangan Rahman Shaari dalam menghasilkan sesebuah sajak.

1.8.6 Estetika

Perkataan aesthetics berasal daripada dua perkataan Greek –*aisthetikos* yang bermaksud tanggapan menerusi perasaan dan juga *aisthanesthai* yang membawa maksud menanggapi atau merasai (webster's Collegiate Dictionasry, 1948, hlm.18). Istilah estetika telah diperkenalkan oleh seorang ahli falsafah bangsa Jerman, Baumgarten (1714-1762). Baumgarten (1931, hlm.84) mengaitkan keindahan dengan satu fakulti dalam dirinya yang disebut sebagai *inferior faculty*: *An indistinct idea is called a sensuous idea. My vital powers, then, give me sensuous perceptions by means of an inferior faculty. The appearance of perception, of perfention obvious to taste in the wide sense, is beauty the corresponding imperfection is ugliness. Hence beauty, as such, delights the observer; ugliness as such, is disgusting.*

Petikan di atas menjelaskan bahawa Baumgarten telah mengaitkan falsafah keindahan dengan pengalaman sensual dan pembaca dapat menikmati atau mengecapi kenikmatan daripada pengalaman yang sensual itu.

Estetik mempunyai pelbagai definisi serta huraian yang dikemukakan dalam penulisan intelektual (Sohaimi Abdul Aziz (2002, hlm.26). Hal ini bertujuan untuk

mendapatkan kefahaman baharu tentang falsafah keindahan. Konsep keindahan sebagai yang sama ukur, keindahan sebagai susunan dan *measure*, dan keindahan sebagai *expressiveness* tidak dianggap sebagai kualiti estetik. Kualiti estetik yang dimaksudkan itu ialah kualiti yang dialami oleh pembaca/penonton atau disebut kualiti subjektif.

Mana Sikana dalam bukunya *Teori Koleksi Sastera* menyatakan estetik bermaksud keindahan iaitu suatu sifat dan ciri sastera yang terpenting. Malah perkataan sastera itu sendiri berasal daripada perkataan Sanskrit yang bermaksud karya yang indah. Manusia suka kepada sastera kerana sifatnya yang indah, estetik dan artistik itu, setiap seni mempunyai sifat keindahannya yang tersendiri (2015, hlm.82).

Selain itu, dalam bukunya bertajuk *Sasterawan Negara di Takhta Keunggulan* Mana Sikana menyatakan estetik ialah rasa keindahan, keseronokan, kegembiraan yang merujuk kepada yang bernilai dan bermanfaat serta penikmatan yang mempersonakan atau penglihatan yang memukau, yang cepat menawan perasaan dan terpahat dalam pemikiran. Dalam seni sastera, apabila membicarakan tentang estetik ia akan merujuk kepada keindahan yang berkait rapat dengan kesan daripada pengalaman, perasaan, pemikiran, imaginasi, dan wawasan. Keindahan juga terpancar daripada bahasa yang digunakan oleh pengarang, cara pengarang mencerna, mengadun dan mengolah karyanya juga yang menyerlahkan rasa keindahan (2015, hlm.88).

Kamus ensiklopedia Dunia Melayu estetika bermaksud sastera ilmu yang mengkaji tentang keindahan dalam seni dan alam semesta berhubung dengan watak, keadaan, dan

kesesuaian dengan hukum. Estetik pula bermaksud yang berkaitan dengan keindahan atau penghargaan terhadap keindahan terutamanya dalam bidang seni (1997, hlm.246).

Menurut A.Wahab Ali dalam bukunya '*Kritikan Estetik Sastera*' (2000, hlm.68-74) secara umumnya estetik merujuk kepada suatu objek alam dan seni yang bernilai dan berguna untuk penglihatan dan penikmatan kita seperti sesuatu yang indah, yang mengagumkan, yang mempersonakan, yang menarik, yang cantik dan yang agung termasuk yang melucukan. Begitu juga keindahan dalam komedi, sindiran komedi menyebabkan kita mengigau. Tidak ada ketenangan jiwa dibawahnya tetapi mengapa komedi masih dianggap seni. Hal inilah dinamakan estetik.

Dengan demikian dapatlah dirumuskan bahawa estetika adalah keindahan dalam sesebuah hasil karya seni. Sebuah sajak yang indah yang mempunyai nilai estetika pasti dapat menarik hati pembaca dan seterusnya menusuk ke sanubari dan boleh melahirkan perasaan sedih, gembira, marah dan sebagainya yang dimanfaatkan dalam kajian ini.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, karya sajak Rahman Shaari merupakan karya agung yang telah mendapat pengiktirafan negara dan antarabangsa perlu digarap dan dihayati pada setiap bait perkataan hasil karya sajak beliau agar apa yang ingin disampaikan oleh Rahman Shaari kepada khalayak dapat diperhalusi dan difahami maksudnya. Seterusnya, karya beliau



mendapat apresiasi yang sewajarnya daripada pelbagai pihak dan menjadi contoh serta ikutan kepada pengkarya muda. Penghasilan sajak yang berkualiti, tinggi susunan bahasanya, ada nilai estetika dan nilai-nilai murni karya Rahman Shaari dapat dijadikan panduan dan pedoman setiap insan walau dimamah oleh arus modenisasi masa kini.

